

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil. 27

Hari Rabu

3 Disember 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (**Ruangan**)

RANG UNDANG-UNDANG

- **Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997 (Ruangan)**

PARLIMEN KESEMBILAN

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)

“ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N.,
P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P.
(Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Tuan Jiniu bin Jimin (Sabah)

“ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

“ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)

“ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato' Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DEWAN NEGARA

Rabu, 3 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN/PERTUBUHAN NELAYAN
KAWASAN - JUMLAH ASET SERTA AHLI**

1. Tuan Long bin Jidin minta Menteri Pertanian menyatakan daripada 265 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan 70 buah Pertubuhan Nelayan Kawasan seluruh negara berapakah yang boleh berdikari dan jumlah aset serta ahli keseluruhannya bagi setiap PPK dan PNK.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan jumlah keuntungan yang diperolehi pada akhir tahun 1996, sebanyak 59 daripada 267 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan 22 daripada 70 Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK) yang terdapat pada suku pertama tahun 1997 boleh dianggap sebagai berdikari. Pada tarikh yang sama nilai aset bagi keseluruhan PPK dianggarkan sebanyak RM382.23 juta, manakala bagi PNK ianya berjumlah RM18.55 juta. Dari segi keahlian pula, PPK mempunyai seramai 625,083 ahli dan PNK 53,368 orang.

Tuan Jang Chow Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bentuk bantuan yang telah diberi kepada PPK atau Pertubuhan Nelayan Kawasan supaya mereka berdikari dan ahli-ahlinya menikmati faedah daripadanya.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Salah satu bentuk bantuan yang diberi oleh pihak kementerian, khususnya menerusi LPP kepada Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan:

Yang pertamanya ialah memberi pinjam sekurang-kurangnya lima atau enam orang pegawai kepada setiap PPK, di mana pinjaman ini gajinya dibayar oleh pihak LPP.

Yang kedua, dari segi pentadbiran. Kita juga memberi bantuan dari segi pentadbiran menerusi berbagai-bagai kursus dan seminar yang dianjurkan.

Yang ketiga, dari segi input pertanian. Kita juga menerusi pembahagian subsidi baja. Ini diberi sepenuhnya kepada NAFAS dan NAFAS telah menggunakan PPK sebagai agensi untuk pengedarannya. Setiap Pertubuhan Peladang mendapat keuntungan daripada pengedaran baja yang telah diperolehi di kawasan masing-masing. Di samping itu, bantuan untuk membina bangunan-bangunan pejabat juga diberi, malah ada di antaranya diberi bantuan untuk membeli bangunan-bangunan kedai bagi menjayakan ke arah berdikari, sama ada

Pertubuhan Peladang ataupun Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan. Tetapi Persatuan Nelayan diberi oleh LKIM.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, daripada penjelasan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi, iaitu daripada 267 PPK hanya 59 sahaja yang boleh berdikari dan daripada Pertubuhan Nelayan Kawasan pula daripada 70 hanya 22. Ini bermakna fungsi PPK termasuk LPP nampaknya gagal merubah nasib petani-petani. Tidakkah pihak kementerian sedar bahawa peranan LPP di peringkat negeri ini kadangkala kadang mempengaruhi Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang itu sendiri dan dalam setengah-setengah hal perniagaan, kita rasa hairan juga bagaimana perniagaan yang boleh untung, tetapi akhirnya apabila ditutup kira-kira, ia menjadi rugi. Adakah kerajaan sedar tentang perkara ini dan apa sikap kementerian ke arah hendak mengubah reformasi bidang pertanian, memadamkan pertanian ini merupakan sektor yang sangat penting?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bahawa garis panduan yang kita gunakan bagi menentukan berdikari atau tidak itu. Misalnya Pertubuhan Peladang 59 daripada 267 adalah merupakan Persatuan Peladang yang untung selepas ditolak gaji pegawai-pegawai, sama ada pegawai itu pinjaman ataupun pegawai sendiri.

Yang keduanya, Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK). Oleh kerana kebanyakannya sektor pertanian secara kecil-kecilan ini memang sebenarnya tidak menguntungkan. Kebanyakan secara komersial sahaja, yang boleh menimba keuntungan, tetapi kerajaan dan Kementerian Pertanian sedar bahawa kita terpaksa membimbing petani-petani kita, walaupun tanah mereka setengah ekar, seekar atau satu hektar.

Dari segi keuntungan, memang agak rumit untuk menentukan keuntungan. Walau bagaimanapun kementerian tidak begitu dukacita atas apa yang berlaku dan kita akan cuba lagi untuk membendung supaya diberi nafas baru kepada Pertubuhan-pertubuhan Peladang. Kita menggalakkan Pertubuhan Peladang supaya melibatkan diri dalam kerja-kerja kontrak untuk menambahkan lagi pendapatan mereka, tetapi dalam masa yang sama mereka hendaklah menjalankan kewajipan mereka di mana pengwujudan Pertubuhan Peladang itu adalah untuk meningkatkan produktiviti di bidang pengeluaran bahan-bahan makanan. Jadi, saya yakinlah sebahagiannya kita akan dapat menambahkan dengan adanya reformasi sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi.

Saya juga menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau dapat meninjau-ninjau sedikit-sebanyak gerakan peladang di kawasan masing-masing supaya dapat memberi nafas yang baru pada mereka. Terima kasih, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniahlah kepada Persatuan Peladang dan juga Persatuan Nelayan yang telah menunjukkan kejayaan mereka, cuma saya difahamkan masih ramai lagi kedapatan petani-petani dan nelayan-nelayan yang belum lagi berada di dalam persatuan masing-masing. Apakah langkah dan cara-cara yang telah dibuat oleh kedua-dua persatuan ini untuk menarik seramai-ramainya petani-petani dan juga nelayan-nelayan supaya berada di dalam persatuan mereka?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama rasa bertanggungjawab, bagaimana cara hendak meningkatkan lagi prestasi Persatuan-persatuan Peladang Kawasan dan juga Persatuan Nelayan Kawasan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya sehingga kini boleh dikatakan lebih kurang 75% hingga 80% daripada petani-petani kita dan juga nelayan-nelayan telah pun memasuki Pertubuhan-pertubuhan Peladang dan juga Persatuan Nelayan. Misalnya Persatuan Peladang ahlinya 625,083 orang, sedangkan kita dapati ahli-ahli peladang seluruh negara kita sekitar 800,000 sahaja.

Begitu juga nelayan yang menjadi ahli ialah 53,368 orang, sedangkan seluruh nelayan ada seramai 70,000 orang sahaja. Jadi, sehingga ini kementerian merasa puas hati, tinggal lagi apa yang penting ialah kita hendak menjayakan

ekonomi nelayan dan petani-petani itu. Inilah yang agak memakan masa, kita yakin insya-Allah kita akan dapat memajukan menerusi berbagai-bagai strategi yang sedang dijalankan oleh kementerian.

VIRUS COXSACKIE B DI NEGERI SARAWAK

2. Tuan Janggu Anak Banyang minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah negeri Sarawak dianggap bebas dari Virus Coxsackie B, lebih-lebih lagi di Bandar Sibü. Jikalau belum apakah sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan No. 17 pada hari ini yang sama dan pada Ahli Yang Berhormat yang sama dan ianya menyentuh perkara yang sama.

Virus Coxsackie B serta dengan enterovirus yang lain terdapat di seluruh dunia dan kemungkinan tidak ada negara yang bebas darinya dan ini termasuk bandar Sibü. Jangkitan dengan virus-virus ini boleh dielakkan dengan tabiat menjaga kebersihan tubuh badan, pakaian dan juga amalan menjaga kebersihan seperti membasuh tangan dengan sempurna selepas ke tandas, setiap kali sebelum mengendalikan makanan, bersin atau batuk secara terbuka. Memakan makanan yang terdedah dan tercemar juga boleh menyebabkan jangkitan dengan virus tersebut.

Bagi menjawab soalan kedua, kajian dan penyelidikan masih diteruskan dan belum diselesaikan lagi. Dari laporan awal hasil kajian menunjukkan Virus

EV 71 (enterovirus 71) terdapat pada dua sample tisu jantung kes kematian di Sarawak yang telah dihantar ke Atlanta, Amerika Syarikat. Manakala hasil kajian pakar-pakar tempatan juga telah menunjukkan enterovirus 71 menyebabkan kematian yang berlaku di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Pakar-pakar di Atlanta dan tempatan masih mencuba mengenalpasti kemungkinan ada jangkitan virus lain yang menyebabkan kematian di kalangan kes-kes yang disyaki.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan sebab-sebab Virus Coxsackie atau penyakit Coxsackie B ini adalah merupakan sebab-sebab asas kesihatan diri. Soalan saya apakah kempen Kementerian Kesihatan kepada orang ramai untuk penyakit ini dapat dielakkan dan adakah Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menekankan tentang kepentingan kesihatan diri?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, semasa terjadi wabak itu memang kita ada menjalankan kempen, kita ada mengeluarkan beberapa risalah, tetapi saya tidak tahu berapa juta risalah yang dikeluarkan di semua tempat. Banyak juga perkara yang telah kita beritahu, misalannya melalui TV, radio dan juga jemputan-jemputan- memang kita ada jalankan.

Dr. Yoew Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan telah bercakap mengenai kawalan Coxsackie B melalui

kebersihan. Jikalau kita menjaga kebersihan makanan dan sebagainya bagaimana kolera boleh merebak di Kuala Lumpur?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kolera adalah perkara yang lain. Saya telah memberitahu sesiapa yang mengunjungi restoran-restoran, kedai-kedai atau gerai-gerai mestilah menjaga kebersihan. Memang kementerian saya mengambil tindakan ke atas kebersihan, tetapi terdapat banyak sangat kedai. Sesiapa yang mengunjungi kedai-kedai hendaklah menengok sama ada kedai itu atau tidak bersih. Tetapi orang Malaysia apabila melihat makanan itu baik, sedap, mereka terus masuk dan makan, tidak menjaga kebersihan, di mana dia membuat air, semua tidak dijaga. Inilah yang menjadi masalah. Oleh itu, kita minta supaya rakyat bekerjasama dengan kerajaan, jadi kita boleh membendung perkara ini semua.

PELAJAR MISKIN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - BAYARAN PENDAFTARAN

3. Tuan Haji Hassan bin Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian prihatin terhadap masalah pelajar-pelajar miskin yang mendapat tawaran masuk ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT):-

- (a) adakah kementerian berhasrat untuk membantu pelajar tersebut dengan menanggungkan bayaran sewaktu pendaftaran masuk bayaran dibuat apabila pelajar miskin dapat biasiswa/pinjaman; dan

- (b) berapa ramaikah pelajar miskin yang tidak dapat meneruskan pengajian disebabkan masalah kewangan dari tahun 1995 hingga 1997.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) universiti-universiti awam sebenarnya memberikan kelonggaran kepada pelajar-pelajar miskin yang tidak mampu membayar yuran semasa pendaftaran masuk. Pembayaran boleh dibuat apabila pelajar berkenaan mendapat bantuan kewangan dalam bentuk biasiswa atau pinjaman. Terdapat juga universiti yang membenarkan pelajar-pelajar barunya membayar sebahagian daripada jumlah yuran semasa pendaftaran. Jumlah yang dibayar pada hari pendaftaran bergantung kepada kemampuan pelajar.
- (b) bilangan pelajar yang tidak meneruskan pengajian di universiti adalah sangat kecil dan tidak semestinya disebabkan oleh masalah kewangan. Walau bagaimanapun, bagi pelajar-pelajar yang datang dari golongan kurang berada, terdapat universiti yang menyediakan tabung kewangan serta pinjaman jangka pendek dan kecemasan bagi membantu pelajar-pelajar berkenaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak Kementerian Pendidikan bercadang untuk menubuhkan satu mekanisme bagi menguruskan kemasukan pelajar-pelajar yang layak masuk ke universiti, yang terdiri dari pelajar-pelajar miskin supaya masalah mengenal pasti pelajar miskin yang layak dan melambatkan proses itu dapat dibereskan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya kira semua daripada kita maklum, untuk hendak mendapat tempat ke universiti ada kriteria-kriterianya dan dalam pada itu kita memang memberikan tumpuan untuk menampung pelajar-pelajar di kawasan-kawasan luar bandar yang miskin dan ini memang kita buat di sepanjang masa.

Dato' Hasbullah bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang menggalakkan penubuhan institusi pengajian tinggi begitu ramai, sebab untuk meningkatkan tenaga mahir ini.

Berdasarkan rungutan dari luar, kita ingin mengetahui tentang langkah-langkah pihak kementerian tentang syarat untuk mendapatkan penubuhan IPT ini agak begitu rumit, jadi apakah dengan pengumuman untuk mewujudkan banyak IPT, syarat-syarat lama itu dikaji dan dilonggarkan serta kawal selia diulang kaji.

Di samping itu ada galakan juga kepada pihak-pihak yang ingin menubuhkan IPT, jadi hendak reconcile semua ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, prinsipnya kita galak, itu jelas. Syarat-syaratnya pun saya kira setakat ini jelas, apa syarat-syarat yang penting?

Pertama sekali dia mesti dapat menunjukkan kepada kementerian soal-soal utama seperti kemudahan asas, librarynya, jenis-jenis kursus yang ditawarkan.

Sekarang ini kita beri tumpuan kepada kursus-kursus yang ada hubung kait dengan sains dan teknologi. Jadi, kita berharap mereka cuba dapat menampung keperluan tersebut.

Yang kedua, dari segi tenaga pengajar maksud saya. Jadi kita berkehendakkan tenaga-tenaga pengajar yang mempunyai pelbagai bentuk kemahiran supaya pelajar-pelajar dapat mengikuti pengajian masing-masing dengan sebaik mungkin.

Saya hendak katakan dalam Dewan yang mulia ini, kita memang ada fleksibiliti dalam memberikan pertimbangan-pertimbangan, asalkan mereka itu dapat menyediakan keperluan-keperluan itu kita sedia bukan sahaja untuk menimbang, malahan untuk meluluskan, kerana kita semua maklum akan keperluan tenaga mahir dipelbagai bidang di masa-masa yang akan datang.

**PINJAMAN WANG BAGI PELAJARAN/PERNIAGAAN - JUMLAH
PEMBAYARAN SEMULA**

4. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan jumlah setakat ini yang diperolehi oleh pihak MARA melalui pembayaran semula oleh mereka yang telah meminjam wang untuk membiayai pelajaran dan perniagaan mereka dan berapa orangkah yang masih enggan membayar hutang ini dan tindakan yang diambil.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua, setakat bulan Oktober 1997, jumlah pinjaman pelajaran (termasuk biasiswa sebanyak RM900,012,300) yang dikeluarkan oleh MARA ialah RM3,775,184,908, kesemuanya (kepada 108,323 pelajar). Sementara jumlah pinjaman perniagaan pula ialah sebanyak RM952,248,226 (kepada 121,412 peminjam). Daripada jumlah ini sebanyak RM211,191,494 ataupun hanya kira-kira 65% daripada pinjaman pelajaran telah membayar balik pinjaman manakala jumlah pinjaman perniagaan (termasuk faedah) yang telah dibayar balik ialah sebanyak RM869,375,985 iaitu kira-kira 95.5%.

Walau bagaimanapun didapati 3,512 peminjam pelajaran MARA atau 3.2% dan 9,318 peminjam perniagaan atau 8.35% tidak membuat bayaran balik yang melebihi tempoh 6 tahun dan mereka ini boleh dikategorikan sebagai enggan membayar hutang. Bagi menyelesaikan masalah ini MARA telah dan sedang mengambil tindakan iaitu mengiklankan nama peminjam-peminjam di akhbar-akhbar tempatan dan seterusnya melaksanakan tindakan undang-undang sekiranya

mereka gagal mengambil tindakan untuk membayar balik di dalam tempoh yang ditetapkan.

Hingga kini, untuk pembiayaan perniagaan 7,227 surat peringatan telah dikeluarkan dan 1,569 kes dalam sebutan dan perbicaran di mahkamah. Untuk pinjaman pelajaran pula, 10,053 surat peringatan telah dihantar. Sehingga kini 1,100 nama telah dipamerkan di akhbar-akhbar dan ini telah mengakibatkan 545 telah membayar hutang yang berjumlah RM1,278,708.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, apakah kementerian sedar bahawa banyak daripada dasar-dasar baru pinjaman yang diumumkan oleh kementerian telah menggunakan networking MARA di peringkat daerah-daerah untuk usahawan-usahawan kecil mendapatkan maklumat, borang dan sebagainya. Tetapi apakah benar dakwaan kebanyakan usahawan kecil menyatakan bahawa proses daripada pengurusan MARA di peringkat daerah dan juga perkara-perkara yang diumumkan di peringkat kementerian tidak dapat response yang baik di peringkat akar umbi khususnya di daerah-daerah?

Tuan Idris bin Jusoh: Daripada apa yang didapati oleh kementerian melalui program yang dikatakan Pinjaman Self ataupun program pembiayaan kepada peniaga-peniaga kecil, sambutan di peringkat bawah ialah begitu menggalakkan. Cuma yang terdapat masalah kini ialah masalah pemerosesan

yang agak lewat sedikit. Ini memang perlu kerana Pinjaman Self ini, tidak ada penjamin dan tidak ada cagarannya. Kementerian juga merasakan yang proses ini perlu diambil dengan baik, supaya pembayaran balik itu juga dapat dipastikan.

Tuan Jang Chow Thye: Tuan Yang di-Pertua, pada biasanya pinjaman memerlukan penjamin. Jadi, saya ingin mendapat tahu sama ada pinjaman daripada MARA kepada pelajar atau peniaga perlukan penjamin, jika 'ya' adakah penjamin diambil tindakan untuk membayar balik pinjaman itu?

Tuan Idris bin Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang pertama tadi iaitu Pinjaman Self itu memang tidak perlu penjamin. Itu adalah di antara pinjaman yang agak aneh, tetapi benar yang wujud di Malaysia pada masa kini, mungkin tidak ada di tempat-tempat lain. Itu adalah untuk menolong peniaga-peniaga kecil. Tetapi pada keseluruhannya pinjaman-pinjaman memerlukan kepada penjamin dan banyak penjamin telah disaman oleh MARA kerana peminjamnya tidak membayar hutang - itu memang benar.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini banyak peniaga yang menyewa kedai MARA telah mendapat notis daripada MARA disuruh keluar dalam masa setahun, kononnya mereka yang telah berniaga selama 10 tahun kena keluar. Mengapakah berlaku sedemikian dan kalau dia keluar siapakah yang akan menjadi penggantinya pula di

kedai itu dan ke mana pula mereka hendak pergi kalau dia tidak ada kedai untuk menjalankan atau meneruskan perniagaan?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang saya telah bersiap sedia untuk menjawab soalan ini di Dewan Rakyat untuk menggulung isu berkenaan dengan kementerian pada hari ini. Memang benar kementerian melalui MARA telah menghantar notis penamatan sewaan kepada penyewa-penyewa yang telah tinggal di bangunan-bangunan MARA lebih daripada 10 tahun. Kita dapati sehingga kini ada 267 buah bangunan MARA yang kesemuanya juga merangkumi 4,142 lot dan kita dapati ianya diadakan untuk menggalakkan bumiputera menceburkan diri di dalam bidang perniagaan. Juga supaya premis MARA ini menjadi incubator ataupun nursery kepada peniaga-peniaga baru. Tetapi mereka yang tinggal di bangunan MARA lebih dari 10 tahun ini merasakan yang kadangkala bangunan MARA itu sudah menjadi rumah mereka, ada sambungan haram dikenakan. Mereka dikenakan sewa yang begitu murah sekali, jika dibandingkan dengan premis-premis yang lain.

Kementerian juga merasakan sikap pergantungan yang ada pada mereka ini harus dihapuskan, di mana mereka yang sudah berkemampuan sudah 10 tahun di bangunan MARA ini harus berpindah untuk memberi jalan kepada usahawan-usahawan baru. Ada kes-kes di mana seorang usahawan yang sudah mempunyai bangunan 4 tingkat bernilai RM2.5 juta tidak mahu keluar dari Bazar MARA yang

hanya sewanya RM60 sebulan. Ini menggambarkan sikap, sebab itulah kementerian merasakan yang kementerian melalui MARA harus bertindak tegas untuk memastikan yang usahawan-usahawan baru akan mendapat tempat mereka di premis-premis MARA yang sedia ada.

PEMBAKARAN SAMPAH SECARA TERBUKA/PEMBUANGAN SISA TOKSID - JUMLAH PESALAH/HUKUMAN

5. Tuan Abdillah bin Abdul Rahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapakah jumlah pesalah-pesalah yang telah dikesan dan dihukum bersabit dengan pencemaran yang disebabkan oleh kegiatan mereka seperti pembakaran secara terbuka, pembuangan sisa-sisa toksid sebarangan dan penghakisan ke atas tanah dalam kawasan pembangunan perumahan sehingga menyebabkan berlakunya banjir kilat.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1 Januari hingga 25 November 1997, sebanyak 64 kes pencemaran yang berpunca dari kegiatan pembakaran terbuka telah dikesan dan didakwa di mahkamah. Kes-kes tersebut adalah kes yang melanggar Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1979. Daripada jumlah tersebut 52 kes telah disabit kesalahan dan melibatkan jumlah denda RM597,560.

Selain daripada itu, terdapat sebanyak tiga kes yang melibatkan pengendalian bahan buangan toksid yang melanggar Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah dan melibatkan denda sejumlah RM44,500.

Bagi pencemaran akibat aktiviti-aktiviti kerjatanah di projek perumahan dalam tahun 1997, dua kes telah didakwa di mahkamah. Satu kes disabit kesalahan dan didenda RM8,000 sementara satu lagi minta dibicarakan. Kes-kes tersebut melibatkan pelanggaran Seksyen 34(A) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini telah diberitahu bahawa pihak penguatkuasaan kementerian tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi. Soalan saya ialah apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak penguatkuasa untuk mengesan kesalahan-kesalahan pencemaran ini untuk memastikan. Misalannya saya dengar tadi, kalau dua kes yang dikatakan dalam kawasan bangunan perumahan yang telah disabitkan, saya rasa banyak berlakunya perkara-perkara yang menyalahi undang-undang alam sekitar, jadi, mungkin Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada mekanisme canggih yang digunakan.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, banyak cara misalannya laporan daripada orang ramai dan kes-kes yang dikesan oleh pegawai-pegawai yang menjalankan rondaan. Apa saya sebut dua kes itu ialah dalam tahun 1997, bukannya dua kes dari mula hingga sekarang dalam tahun 1997. Mungkin ada lagi kes-kes pending, dengan izin yang sedang ditunggu. Jadi, inilah perkara-

perkara yang kita mengharapkan laporan orang ramai dan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk melaporkan perkara-perkara ini. Memanglah kita kekurangan kakitangan, kita hanya ada lebih kurang dalam 247 orang sahaja penguatkuasa di seluruh Malaysia. Tetapi bumi Malaysia ini luas, jadi mereka ini macam orang yang hendak membuat kelakuan-kelakuan yang tidak senonoh ini dia sentiasa mencari jalan menunggu orang tidak ada sahajalah, dia akan membuat perkara-perkara itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita banyak mendengar masalah yang timbul akibat daripada banjir kilat, banjir lumpur masuk ke rumah-rumah orang yang berpendapatan rendah dan ini sudah tentu menimbulkan banyak masalah dan kerugian kepada mereka ini.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut di bawah Seksyen 34(A), pihak kementerian boleh mengambil tindakan terhadap orang yang bertanggungjawab. Adakah kementerian bercadang untuk mensyaratkan atau mengenakan sekian banyak bayaran sebagai gantirugi kepada mereka yang mengalami masalah banjir kilat dan banjir lumpur ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Pencemaran alam ini.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Banjir dan semua catastrophe, dengan izin, ini adalah dengan kehendak Allah S.W.T - kita kena ingat. Ini juga ada kaitan dengan jabatan-jabatan yang lain, seperti Jabatan Parit dan Taliair, Kerajaan Tempatan (Local Government) dan lain-lain. Yang sebenarnya bukanlah menjadi tanggungjawab Kementerian untuk membayar ganti rugi. Ini adalah tanggungjawab pihak penguasa tempatan atau kerajaan dan lain-lain selepas dibuat siasatan. Kalaulah didapati mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan ini adalah kontraktor-kontraktor dan lain-lain, maka mereka ini akan dibawa untuk menyelesaikan perkara-perkara macam ini.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan pencemaran, bagaimana dengan hal bengkel-bengkel kereta dan motor yang berselerak yang menimbulkan banyak pencemaran? Adakah kementerian bercadang untuk menempatkan bengkel-bengkel yang berselerak ini kepada satu kawasan khas supaya tidak ada pencemaran dan nampak elok oleh masyarakat.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah di bawah kuatkuasa Kerajaan Tempatan (Local Government). Saya tidak boleh hendak campur. *[Ketawa]*

PENGGUNAAN KOMPUTER - LANGKAH DAN PERSEDIAAN KEMENTERIAN

6. Tuan Charern Intachat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah dan persediaan yang diambil oleh pihak kementerian untuk menghadapi masalah “Y2K” iaitu penggunaan komputer-komputer yang melibatkan format tarikh 2 digit menjelang tahun 2000.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang menunggu laporan Pasukan Petugas “Y2K” yang ditubuhkan oleh Majlis Teknologi Maklumat Negara, yang dipertanggungjawabkan untuk mengkaji, mengenal pasti dan seterusnya memperakukan tindakan yang sesuai bagi menangani masalah ini.

Sebagai langkah pertama Pasukan Petugas “Y2K” telah mengatur satu siri ceramah untuk pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan ketua-ketua eksekutif dari sektor swasta bagi meningkatkan tahap kesedaran mereka mengenai masalah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat masalah “Y2K” bukanlah pasukan komputer sahaja, tetapi ianya juga melibatkan industri yang menggunakan micro processor atau microchip dengan fungsi, tarikh bagi menjalankan tugas pemerosesan.

Pasukan Petugas “Y2K” sedang meneliti masalah ini di dalam beberapa industri seperti perbankan dan kewangan, pembuatan, kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, minyak dan gas, sektor awam, pengangkutan, perhubungan, kesihatan dan sebagainya.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengakui bahawa masalah “Y2K” ini amat rumit dan besar. Tetapi masyarakat agak terpegun dengan kenyataan, kalau tidak salah dalam akhbar, Pengerusi Jawatankuasa Petugas ialah seorang ahli swasta yang mengeluarkan dengan izin, horrors story mengenai masalah ini yang menyeramkan bulu roma rakyat jelata. Saya rasa ini menakut-nakutkan masyarakat, sedangkan di sebelah pihak kerajaan menjalankan kempen IT, mesra IT dan sebagainya. Kalau ini dibangkitkan sebagai satu masalah yang mengerikan, jadi kempen IT akan terjejas. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan tentang cara hendak reconcile, dengan izin.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, “Y2K” adalah untuk tahun 2000. Ini adalah ledakan baru. Itu adalah mengikut Alexander Stuff dalam bukunya “Quell Snake”. Dia kata Internet ini adalah sebagai benda yang kelim-kabut. Inilah yang timbulnya kelim-kabut, yang masuk dan yang keluar. Tetapi ini adalah pendapat.....

Tuan Yang di-Pertua: “Y2K” ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Sorry?

Tuan Yang di-Pertua: “Y2K” ini kelim-kabut. *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Daud: Bukan - ini bukan. [*Ketawa*] “Y” ini adalah tahun 2000. Ini adalah mengikut Alexander Stuff dalam bukunya “Quell Snake”. Ini sebenarnya adalah benda yang kalam-kabut. Jadi, perkara ini sedang diawasi oleh jawatankuasa ini - jangan bimbang. Kita cuba membawa perkara-perkara yang sebaik-baiknya untuk anak-anak kita.

VISA BAGI WARGANEGARA ASING YANG BERKAHWIN DENGAN WARGANEGARA MALAYSIA

7. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian sedar bahawa jika seseorang warganegara Malaysia berkahwin dengan warganegara asing dan telah tinggal di negara ini mengapakah isterinya ini tidak mendapat visa di atas dasar tahun ke tahun sebagaimana lazimnya satu ketika dahulu dan tidakkah dapat ianya diteruskan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa warganegara asing yang menjadi isteri kepada warganegara tidak diberi kemudahan tinggal di negara ini atas dasar setahun ke setahun adalah tidak tepat. Kemudahan tersebut perlu dipohon di Jabatan Imigresen dengan menggunakan borang-borang tertentu dan ditaja oleh suami. Kemudahan tinggal atas dasar setahun ke setahun akan diberi sekiranya Jabatan Imigresen berpuas hati bahawa perkahwinan berkenaan bukanlah dengan izin, ‘marriage of convenience’.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, pada biasanya warganegara asing yang telah berkahwin dengan seorang warganegara Malaysia akan

mendapat visa dari tahun ke tahun. Jadi, saya minta bolehkah Kementerian Dalam Negeri melonggarkan untuk mendapatkan visa terus dari tahun ke tahun. Kalau tidak boleh, mintalah warganegara Malaysia jangan berkahwin warganegara asing.

[Ketawa]

Seorang Ahli: Dia suka!

Tuan N. Marimuthu: Sudah suka pun, lepas sanalah *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kita memang tidak menggalakkan warganegara kita untuk berkahwin dengan warganegara asing kerana kita tidak mahu ada warganegara kita sampai tidak dapat kahwin, ramai juga warganegara kita yang tidak kahwin. Bagaimanapun sebagaimana saya sebutkan tadi, kita memang ketatkan syarat ini sehingga kadangkala pihak Imigresen mendapati bahawa suami-isteri ini sudah mempunyai anak, maka pada masa itu kita akan memberikan visa dari setahun ke tahun kepada isterinya, kerana ada juga kita dapati misalnya sebagaimana saya sebutkan tadi, dua orang yang berkahwin dengan tujuan semata-mata untuk mendapat kemudahan tinggal di negara ini dengan alasan suami adalah seorang warganegara Malaysia. Pernah terjadi suami-isteri tidak pernah tinggal bersama, perkahwinan hanya wujud di atas kertas dan bukan perkahwinan yang sebenar.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Wah! Ramai yang hendak tanya fasal kahwin ini

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Dato' ada menyebutkan bahawa dasar-dasar bagi warganegara Malaysia yang berkahwin dan mempunyai isteri asing.

Saya ingin bertanya adakah dasar yang sama diberi kepada warganegara wanita kepada suami yang warganegara asing dan jika tidak apakah usaha-usaha kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia adil, apa yang kita kenakan kepada isteri, kita kenakan juga kepada suami. *[Ketawa] [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah fasal kahwin ini. Banyak lagi soalan yang kita ada ini Yang Berhormat, kita pergi ke soalan yang barulah ya. Cukuplah perkahwinan ini.

LESEN MEMANDU - KADAR MEMBAHARUI

8. Datuk Michael Bong Thiam Joo minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Jabatan Pengangkutan Jalan bercadang supaya mereka yang telah membaharui lesen memandu mereka dengan kadar RM50 (Kadar Belanjawan) boleh menambah RM10 lagi untuk mendapat lesen bagi tempoh setahun lagi tanpa untuk menuntut semula wang mereka sebanyak RM20 itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) belum bercadang untuk membenarkan pemegang lesen yang telah membaharui lesen memandu mereka dengan kadar RM50 iaitu (kadar belanjawan), bagi

melanjutkan tempoh lesen mereka dengan hanya menambah kadar wang tertentu tanpa menuntut semula wang mereka sebagaimana yang diumumkan.

Ingin saya memberitahu ini adalah disebabkan JPJ mendapati terdapat beberapa implikasi yang timbul sekiranya cadangan tersebut dilaksanakan. Di antara implikasi yang akan timbul adalah seperti berikut:

- (i) lesen-lesen percubaan 'P' tidak boleh dilanjutkan tempoh berlaku kerana tempoh sah lesen tersebut ditetapkan hanya dua tahun sahaja. Manakala Lesen PSV, GDL dan juga bagi konduktor adalah tertakluk kepada pembaharuan tahunan di mana sijil pemeriksaan perubatan tahunan perlu dikemukakan bersama dengan wang pembayaran.
- (ii) sistem komputer JPJ yang sedia ada tidak dapat menjalankan urusan perlanjutan tempoh dengan bayaran RM10 kerana ianya tidak direkabentuk untuk kutipan secara automatik mengikut kadar yang ditetapkan. Justeru itu, jika cadangan itu hendak dilaksanakan, ianya memerlukan pengubahsuaian pada satu sistem komputer yang sedia ada, di mana ianya mengambil masa yang agak lama untuk menyediakan sistem yang baru dan melibatkan perbelanjaan yang besar kepada jabatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga pihak JPJ memang tidak suka untuk menyusahkan orang ramai dari segi pembayaran balik (refund) dan mereka telah mengambil tindakan supaya pembayaran balik (refund) ini dapat dibuat dengan cara secepat mungkin.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, saya pernah mencadangkan kepada pihak JPJ supaya masalah pembayaran balik dapat dielakkan, jika kita dapat mengadakan satu sistem di mana perlanjutan tempoh dilanjutkan dengan bayaran tambahan sebanyak RM10 atau sebagainya. Tetapi walaupun JPJ buat masa ini tidak dapat menjalankan sistem ini, tetapi mereka sedang mengkaji sama ada satu alternatif lain yang lebih senang dapat diadakan. Sementara itu kita harus mengikut peraturan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan orang ramai mendapat pembayaran balik (refund) wang lesen memandu, orang ramai adalah dinasihatkan supaya membuat surat permohonan kepada pejabat-pejabat JPJ di mana pemohon membaharui lesen mereka dibuat, dengan melampirkan salinan lesen memandu yang mereka baharui. Sekiranya mereka membaharui lesen memandu mereka di pejabat pos maka mereka bolehlah menulis surat permohonan pembayaran balik wang berserta salinan lesen memandu mereka kepada ibu pejabat JPJ. Pembayaran balik akan dibuat dalam bentuk baucer ataupun cek.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang mana menyebut tadi pihak JPJ ataupun Kementerian Pengangkutan tidak mahu menyulitkan pemandu-pemandu yang hendak membaharui lesen ataupun yang ada urusan dengan pihak JPJ. Pihak kementerian juga sedang mengkaji untuk mengadakan satu alternatif yang lebih berkesan.

Saya ingin mendapat penjelasan mengapakah kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan masih tidak mahu membenarkan bayaran seumur hidup untuk lesen memandu bagi orang-orang yang lulus memandu. Ini adalah sesuai dengan cara yang kita kehendaki sekarang ini di mana kita memperkenalkan IT dan sebagainya. Saya percaya penuh kalau kerajaan membuat begitu, kerajaan boleh mengutip duit dahulu, kemudian kerajaan boleh rancangkan dan ini mengurangkan beban kerja.

Tuan Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin memberitahu iaitu cadangan Yang Berhormat ini telah pun pernah dicadangkan di Kementerian Pengangkutan dan pegawai-pegawai dalam Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji sama ada kita hendak ikut negara-negara yang maju di mana pembayaran lesen memandu dapat dijalankan sekali gus dengan bayaran sekian-sekian kadar, berperingkat-peringkat seperti 10 tahun ataupun 15 tahun. Ini memang menjimatkan masa dan

tenaga dan saya haraplah tidak lama lagi kemungkinan pihak JPJ dan Kementerian Pengangkutan akan mengadakan satu kajian yang lebih mendalam untuk memastikan cara apa yang kita hendak ikut, sama ada cara yang sedia ada ataupun cara seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin bertanya. Kenapakah tiba-tiba bayaran RM50 ini dikenakan sedangkan waktu itu ianya belum diluluskan?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bayaran RM50 ini diluluskan bila ianya diumumkan dalam belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Maka dalam masa dua minggu itu selepas pengumuman dibuat terdapat 163,000 pemandu yang telah membuat penjelasan atau pembayaran lesen melalui kadar yang baru. Selepas ianya diperbetulkan balik, iaitu di dalam satu sidang Kabinet Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri yang amat prihatin terhadap kenaikan kadar daripada RM20 hingga RM50, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah pun mendapat keizinan dari Kabinet supaya ianya dikaji semula dan diturunkan hingga RM30.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Soalan No. 9.

**PENERBITAN/PENGEDARAN MAJALAH HIBURAN
MENGEKSPLOSTASI WANITA - TINDAKAN KEMENTERIAN**

9. Puan Sri Sarasa Pasamanickam [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian sedar banyak penerbitan dan pengedaran majalah-majalah hiburan tempatan di negara ini yang telah meletakkan wanita sebagai agen pelaris yang mengeksploitasi dan menjadikan tubuh wanita sebagai daya tarikan untuk meningkatkan jualan mereka. Apakah kementerian tidak boleh menarik balik permit ataupun mengkaji semula permit majalah hiburan yang mengeksploitasi wanita.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa terdapat sesetengah penerbitan memuatkan gambar-gambar wanita seksi untuk meningkatkan jualan penerbitan mereka. Bagi menangani masalah tersebut, kementerian ini telah, sedang dan akan mengambil tindakan yang tegas ke atas para penerbit yang menerbitkan penerbitan berkenaan.

Kementerian Dalam Negeri hanya menarik balik Permit Penerbitan yang telah diberi kepada penerbit sekiranya tindakan memberi nasihat, teguran, amaran dan amaran untuk menggantung Permit Penerbitan tidak dihiraukan oleh penerbit.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat maklumat daripada pihak kementerian, mengikut penyiasatan pihak kementerian berapa syarikatkah yang telah pun menjalankan

aktiviti-aktiviti yang disebutkan tadi, iaitu mendedahkan tubuh wanita untuk tujuan menarik ataupun melariskan jualan majalah-majalah mereka. Bolehkah pihak kementerian menyebutkan majalah-majalah yang telah dikenal pasti dan syarikat-syarikat yang terlibat, yang telah pun diberi amaran.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua:

<u>Januari-Oktober 1997</u>		<u>Majalah</u>
Teguran	-	8 (5 bahasa Cina)
Amaran	-	3 (bahasa Cina)
Mengharamkan penerbitan	-	9 („ „)

Jumlah	-	20

Menahan Penerbitan daripada luar negara	-	39 (bahasa Inggeris)
	-	145 (bahasa Cina)
Menahan/menghitamkan gambar	-	100 (bahasa Inggeris)
		110 (bahasa Cina)

Jumlah	-	394

Ini sekali gus menunjukkan bahawa kerajaan memang serius dalam memastikan bahawa tubuh badan wanita tidak dieksploitasikan dan di antara yang kita tahan ini

adalah majalah-majalah yang kita anggap sebagai mencemarkan nama negara ataupun melibatkan keselamatan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak begitu faham dengan gambar-gambar manakah yang diharamkan, yang tidak boleh kaum lelaki menyangkan. Jadi, apakah garisan-garisan kerajaan untuk memberitahu orang ramai khususnya kaum lelaki, gambar seperti ini tidak boleh tengok, gambar yang bertudung itu boleh ditengok, gambar yang keluar sedikit dadanya tidak boleh ditengok. Garis panduan mesti diberi pada orang lelaki ataupun adakah pihak kerajaan memikirkan hasrat kaum lelaki supaya tidak lagi berkenan ataupun seronok melihat wajah-wajah wanita yang selalu kita dapati dalam majalah-majalah. Kalau Majalah *Playboy*, dengan izin, memang sudah tentulah tidak boleh, tetapi kalau *Penthouse*, dengan izin, juga tidak boleh....

Seorang Ahli: Dato' pernah tengokkah?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Bukannya saya selalu tengok [*Ketawa*] tetapi kadang-kadang apabila berjalan di kedai-kedai di luar negara Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat elak terpandang sekali imbas. Jadi, memang tidak tengok dua kalilah. [*Ketawa*] Jadi, tolonglah beri satu garis panduan kepada kaum lelaki, kalau tidak haramkan semua gambar-gambar wanita yang memberi keinginan atau kenafsuan kepada lelaki.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat, kerana Yang Berhormat begitu ikhlas sekali. Apabila Yang Berhormat sebut berkenaan dengan *Playboy* dan *Penthouse* yang mana ketawa itupun serupa juga dengan Yang Berhormatlah pernah tengok, [*Ketawa*] kalau tidak mereka tidak akan ketawa. Tetapi di dalam kita memastikan di dalam penerbitan ini, yang mana gambar ini boleh atau tidak boleh, jadi kementerian menghadapi masalah kerana ada pepatah mengatakan bahawa 'tak kenal maka tidak cinta'. Tetapi ada juga yang mengatakan bahawa kalau tidak pernah tengok dia tidak tahu apa yang dia 'miss'. Misalnya ada setengah yang mengatakan di Denmark oleh kerana begitu lumrah sekali, di sana sudah tidak laku majalah-majalah macam ini, tetapi adakah kita hendak perkara seumpama ini berlaku di negara kita? Maknanya sampai orang bosan baru dia tidak beli.

Pendekatan yang diambil oleh kementerian ialah kita memastikan bahawa kalau misalnya akhbar ini terdedah kepada ramai, anak-anak muda dan anak kecil pun membaca akhbar. Oleh itu akhbar ini kita pastikan, bahawa gambar-gambar yang dimuatkan dalam setengah akhbar harian tidak boleh. Misalnya kita juga ada akhbar mingguan yang berbentuk tabloid, jadi yang ini mungkin dibeli oleh setengah pihak sahaja. Kalau majalah *Playboy* kita liberal sedikit, kerana orang-orang di kampung dia tidak membeli *Playboy*, budak-budak kecil juga tidak

membeli *Playboy*. Jadi, yang membeli *Playboy* dengan *Penthouse* ini ialah orang yang memang mencari gambar-gambar yang macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Kita liberalkan sedikit, tetapi untuk surat khabar harian, kita memang perketatkan, kerana ini terdedah kepada semua golongan masyarakat di negara kita.

BOEING 747/757/777 - LAPORAN SABOTAJ

10. Tuan Tan Swee Hueng minta Menteri Pengangkutan menyatakan laporan mengenai sabotaj Boeing 747, 757, 777 dan apakah tindakan yang sudah diambil dan apakah akibatnya.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, penerbangan Malaysia (MAS) tidak menerima sebarang laporan tentang sabotaj pesawat-pesawatnya.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan dari news paper, masalah ini terlibat dengan airline dari Asia dan juga Air Force One di Amerika. Baru-baru ini MAS menangguhkan penghantaran Boeing, adakah masalah ini berkaitan dengan masalah tersebut, kalau tidak apakah masalahnya?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya laporan yang dikatakan oleh Yang Berhormat adalah terkandung dalam satu berita yang disiarkan dalam surat khabar tempatan, kalau tidak silap saya *The New Strait Times*. Saya pun terbaca juga berita ini yang disiarkan tidak lama dahulu, mungkin sebulan.

Saya ingin memberitahu iaitu jika ada kegiatan-kegiatan sabotaj ini memang tidak kena-mengena dengan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS). Saya juga ingin memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa MAS sentiasa memastikan segala pesawat yang ditempah sama ada Boeing ataupun Airbus adalah sempurna dalam semua aspek termasuk keselamatan.

Mengenai soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sebab apa MAS telah membuat keputusan untuk menangguh penghantaran pesawat Boeing dari Syarikat Boeing. Saya ingin memberitahu iaitu MAS walaupun dalam penempahan pesawat-pesawat dari Syarikat Boeing, mereka juga mempunyai satu jadual dan dalam jadual ini pihak pembeli iaitu MAS dalam kes ini berhak untuk mengadakan satu jadual yang anjal, flexibility, dengan izin, di mana MAS boleh menangguh kalau mereka ingin menangguh kecuali segala penangguhan adalah dalam jadual yang telah ditetapkan di antara dua pihak.

DOKTOR PAKAR - BILANGAN MENGIKUT KEAHLIAN/BIDANG DAN KEWARGANEGEAN

11. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa orangkah bilangan doktor pakar dalam setiap bidang perubatan yang sedang berkhidmat di hospital kerajaan dan swasta yang ada di negara kita mengikut warganegara dan bukan warganegara. Berapa peratuskah kekurangan doktor-doktor pakar ini mengikut bidang masing-masing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua, bilangan doktor pakar yang berkhidmat secara tetap dengan

hospital-hospital kerajaan sehingga 31 Oktober tahun ini ialah seramai 607 orang. Manakala doktor-doktor pakar warganegara yang berkhidmat secara kontrak pula ialah seramai 37 orang dan bukan warganegara ialah seramai 147 orang, menjadikan jumlah doktor pakar yang berkhidmat dengan kerajaan ialah seramai 791 orang.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bilangan jawatan doktor pakar pengisian dan kekosongan mengikut bidang masing-masing adalah terlalu panjang, maka saya mohon izin untuk menjawab secara bertulis. Bagi doktor pakar yang berkhidmat di sektor swasta, mengikut rekod yang terdapat di Kementerian Kesihatan ianya berjumlah 1,450 orang setakat ini. Pihak kementerian tidak mempunyai rekod mengenai bidang kepakaran mereka secara terperinci. Walau bagaimanapun, secara amnya bidang kepakaran tersebut meliputi hampir semua disiplin clinical.

Tuan Yang di-Pertua, senarai kadar peratus kekosongan doktor pakar mengikut disiplin kepakaran di bawah hospital kerajaan juga terlalu panjang untuk dibacakan satu persatu, maka saya juga mohon izin untuk menjawabnya secara bertulis.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan kementerian untuk membolehkan rakyat yang miskin

mendapat khidmat kepakaran, lebih-lebih lagi khidmat kepakaran daripada swasta yang seramai 1,450 orang ini?

Dato' M. Mahalingam: Ulang sekali lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Soalan saya, apakah rancangan kementerian ataupun program kerajaan bagi memastikan pesakit-pesakit yang miskin ini mendapat khidmat kepakaran, terutama sekali pakar-pakar yang berkhidmat dengan pihak swasta seramai 1,450 orang?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ada rancangan dalam menjalankan di mana kita ada pakar-pakar di seluruh hospital daerah. Sebab itu, kementerian setakat ini hantar seramai 600 doktor-doktor kita yang mempunyai master course dengan universiti-universiti tempatan. Saya ingat suatu masa tidak lama lagi ada pakar-pakar di seluruh hospital daerah di negara kita.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah pendekatan atau kecenderungan kerajaan sekarang apabila ada pesakit-pesakit selalu dirujuk kepada doktor pakar. Apakah sudah ada satu kecenderungan di mana kalau doktor-doktor terdapat pesakit telinga dirujuk kepada doktor telinga, kalau sakit mata dirujuk kepada doktor mata, kalau sakit otak dirujuk kepada doktor otak, macam-macam pakar. Jadi, apakah Yang Berhormat sedar ini satu trend yang saya rasa tidak baik, di mana sepatutnya

pesakit-pesakit boleh menggunakan doktor yang mempunyai general discipline, bukan ditujukan kepada kepakaran. Sebab saya bimbang suatu hari nanti berlaku eksploitasi di kalangan pesakit-pesakit, apatah lagi golongan psakit-pesakit yang miskin.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, inilah kita kata, dengan izin, age of specialization, di mana orang suka tengok dalam satu bidang. Memang kita pun menggalakkan beberapa bidang ada dalam kementerian. Oleh itu, kepakaran mereka boleh beri lebih khidmat kepada rakyat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat tidak menjawab tadi berapa peratus kekurangan doktor, tetapi melalui bacaan saya dapati bahawa bilangan doktor sama ada pakar ataupun tidak pakar di negara kita memang kita mempunyai kekurangan yang agak ketara. Semalam kita mendengar Timbalan Menteri Pendidikan telah pun menjawab soalan mengenai penubuhan institut pengajian tinggi untuk menampung pelajar-pelajar perubatan bahawa kerajaan belum ada rancangan. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan bagaimanakah kekurangan doktor ini dapat kita atasi, sedangkan dasar kita sekarang tidak menghantar pelajar-pelajar ke luar negara dan kita tidak mempunyai institusi yang melatih doktor-doktor sehingga kita mempunyai cukup doktor dalam unjuran pada

tahun-tahun yang akan datang. Bagaimana Kementerian Kesehatan dapat mengatasi masalah kekurangan doktor ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ada dua cara macam mana kita mengatasi masalah ini, iaitu jangka panjang dan satu lagi jangka pendek. Bagi jangka panjang memang kita hantar doktor-doktor kita dengan universiti-universiti tempatan mengikut kursus-kursus kepakaran di sini, di mana tahun lalu kita hantar 600 orang dan tahun ini pun kita ambil 600 orang. Tetapi bagi jangka pendek memang kita ambil doktor kontrak dari luar negeri, dari India, Pakistan dan lain-lain tempat. Melalui itu kita boleh mengatasi.

Memang ada beberapa bidang yang kita ada masalah-masalah seperti Nephrology, jawatannya ada lima kosong tetapi kita ada seorang doktor, 40% kita tidak dapat orang, itulah yang jadi masalah. Kalau kita tengok Nephrology ada enam tempat tetapi diisi dengan seorang sahaja, lima kosong, 83% tidak ada. Semua ini bidang-bidang kepakaran yang tidak boleh dapat dalam satu hari tetapi memakan masa. Doktor seperti ini memang kita tidak ada tempat untuk diberi kursus kepada mereka, memang kita hantar ke luar negeri.

PASUKAN BOMBA KE INDONESIA - KOS PENGHANTARAN

12. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah perbelanjaan kerajaan ke atas pasukan bomba yang dihantar ke Indonesia dan apakah sebabnya pasukan bomba kita dihantar balik dengan tidak diberi kenyataan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Mengakui]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini serentak dengan soalan oleh Yang Berhormat Dato' Ting Chek Sii yang bernombor 23 pada hari ini juga kerana tajuk soalan itu adalah hampir sama dengan soalan oleh Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng ini.

Tuan Yang di-Pertua, kos secara langsung yang ditanggung oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam operasi memadamkan kebakaran hutan di Indonesia adalah berjumlah RM17.9 juta. Ini adalah kos secara langsung yang telah termasuk kos tidak langsung seperti gaji dan elaun anggota bomba. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak ada maklumat perbelanjaan agensi lain misalnya Tentera Laut Diraja Malaysia yang mengangkut pasukan bomba itu ke Indonesia. Pasukan bomba kita telah ditarik balik kerana telah tercapai objektif utama membantu memadam di hot spot yang dikenal pasti di negara Indonesia.

Untuk mewujudkan kerjasama jangka panjang dengan menangani masalah ini Kerajaan Malaysia akan menandatangani suatu memorandum persefahaman dengan Indonesia. Memorandum itu dijangka meliputi bukan sahaja masalah jerebu, tetapi juga lain-lain bentuk bencana. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1992 - "Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang telah bertugas memadam kebakaran di Sumatera

dan Kalimantan, Indonesia layak menuntut elaun seperti menjalankan tugas di luar negara.”

Selain dari elaun biasa itu, kerajaan memutuskan memberi mereka sugu hati RM2,000 sebagai menghargai jasa mereka menjalankan tugas luar biasa dalam keadaan yang amat menyukarkan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Saya ucapkan syabas kepada pasukan bomba kita yang telah pun sanggup berkorban berada di Kalimantan untuk menjalankan tugas. Soalan tambahan, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, kerana kita dapati ahli-ahli bomba yang pulang ke negara ini mereka menerima risiko mengenai kesihatan mereka. Setakat ini saya ingin mendapat penjelasan bagaimanakah atau apakah kerajaan berpuas hati dengan keadaan kesihatan ahli-ahli bomba yang pulang ke tanah air kita ini, kerana masih kedapatan ada mereka yang ditimpa penyakit-penyakit yang agak luar biasa. Tetapi apakah kerajaan berpuas hati dengan kesihatan mereka?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pihak kementerian dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia rasa puas hati tentang kesihatan anggota-anggota yang dibawa pulang balik daripada tugas di Indonesia. Tetapi kita pun sedar antara anggota-anggota yang seramai 1,250 orang anggota itu ada segelintir kecil menghadapi masalah kesihatan dan mereka telah dikawal oleh Jabatan Kesihatan.

Kita haraplah dalam pengawasan penyakit yang dialami oleh anggota tersebut maka kita lebih memahami lebih mendalam apakah penyakit yang dialami oleh anggota tersebut. Tetapi buat masa sekarang kita masih tidak ada apa-apa keputusan yang terakhir tentang penyakit itu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mohon penjelasan. Kita memang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 1,250 orang anggota-anggota bomba yang menjalankan kerja dengan baik. Saya mengucapkan syabas juga kepada pihak kerajaan, iaitu di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan untuk memberi sagu hati sehingga RM2,000 seorang. Tetapi yang menyedihkan selepas perkara ini dibuat dengan baik, kita terima mereka sebagai wira selepas itu tercetus dalam surat khabar berkenaan dengan elaun-elaun lain, ada pula kenyataan daripada menteri yang bertanggungjawab berkenaan bencana alam, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jadi, cuba jelaskan bagaimana perkara semacam ini boleh timbul setelah kerja yang begitu baik dibuat dan sagu hati diumumkan oleh kerajaan, macam, mohon izin, bad taste sedikit apa yang berlaku selepas itu, saya ingin dapat penjelasan sedikit.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Yalah, memang ada sedikit percanggahan antara pengumuman atau kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri

Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan apa yang disebutkan Yang Berhormat Menteri Penerangan pada perkara ini, kerana Yang Berhormat Menteri Penerangan adalah Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam. Walau bagaimanapun, perkara ini sudah diselesaikan. Buat masa sekarang pihak anggota bomba yang dibawa pulang itu tetap mendapatkan elaun biasa dan juga RM2,000 yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila beliau membentangkan Belanjawan di Parlimen kali ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 22 dan 24 hingga 40 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN

(1997) (No. 2) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [2 *Disember*1997]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, sila sambung ucapan.

3.45 ptg.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) di mana semalam saya telah nyatakan mengenai dengan maksud B.19 dan saya ingin mengulas sedikit mengenai dengan B.12, iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum dan kita ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang telah membuat berbagai-bagai program seperti ‘Kenali Malaysia, Warna-Warna Malaysia’ dan membuat bermacam-macam promosi untuk menarik pelancong-pelancong daripada luar negara ke negara ini.

Apa yang ingin saya sentuh mengenai dengan promosi melancong ini, hari ini kita baca di dalam akhbar *The Star* di mana promosi melancong ke luar negara termasuk London, Hong Kong, Beijing dan berbagai-bagai destinasi di seluruh dunia begitu hebat, sedangkan pucuk pimpinan kita, terutama Yang Amat

Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad meminta supaya kita melancong, memberi keutamaan melancong di dalam negara kita yang tercinta ini. Adalah satu seruan yang cukup bagus, sesuai dengan keadaan kita pada hari ini.

Apakah kementerian berhasrat untuk melihat atau barangkali mencari alternatif supaya promosi seumpama ini tidak dibuat yang mana kalau difikirkan ini adalah bertentangan dengan pucuk pimpinan kita. Jadi, apa ertinya atau siapa yang diberi atau yang dikempen untuk melancong ke luar negara ini. Saya ingin mengucapkan tahiah kepada akhbar *Utusan Malaysia* di mana telah memperkenalkan apa yang kita panggil 'percutian segar'. Percutian segar antara lain ialah menggalakkan rakyat negeri-negeri di negara Malaysia untuk melancong ke tempat-tempat yang telah ditentukan di seluruh Malaysia. Saya rasa ini adalah satu langkah yang baik di mana pengaliran wang kita sedikit-sebanyak akhirnya kembali ke tanah air kita juga.

Di samping itu, saya berpeluang bersama dengan Dato' Sri Rafidah Aziz membuat lawatan sambil berniaga ke Jerman dan Switzerland satu ketika dahulu, tahun lepas kalau tidak silap saya. Apa yang telah diperjelaskan, apa yang beliau promosikan mengenai dengan Malaysia saya memang amat tertarik dan cukup bangga mempunyai pemimpin-pemimpin lebih kurang yang saya rasa mempunyai world class . Cuma barangkali sedikit tambahan untuk masa-masa akan datang, apabila kita membuat promosi terutama dari segi tarikan-tarikan pelancong ini

kalau boleh biarlah ke-13 atau ke-14 negeri di Malaysia diikut sertakan. Masing-masing dengan kelebihan dan tarikan yang terdapat di negeri-negeri berkenaan.

Sebagai contoh, Kota Kinabalu umpamanya selain daripada mempunyai sebuah gunung yang tertinggi di Asia Tenggara, Gunung Kinabalu, kita ada apa yang kita panggil di sini the lost world by scene. Saya ingat ini satu khazanah negara yang cukup indah dan cukup menarik terutama kepada pelancong-pelancong. Satu ketika semasa jerebu melanda negara kita, kebetulan saya berada di Kuala Lumpur pada pagi, dan pada petangnya saya balik ke Sabah, almaklum tugas yang memerlukan saya untuk balik. Di sini gelap, maksudnya penuh dengan jerebu. Tetapi di Sabah waktu itu barangkali kerana angin daripada negara jiran kita, jerebu tidak sampai di situ, maka cerah.

Jadi, alangkah baiknya barangkali kalau kita dapat membuat satu promosi yang lebih bagus, kalau pun di Semenanjung ini diserang oleh jerebu yang tidak kita ingini, tetapi di Sabah bersih pada ketika itu. Sehingga di sini masih berjerebu tetapi di Sabah sudah bersih daripada jerebu.

Jadi, rakan kita daripada Australia saya ingin kalau mereka tahu soal ini mereka akan mengambil inisiatif untuk melawat ke negeri Sabah. Tetapi masa jerebu berlaku boleh dikatakan 40% daripada tempahan-tempahan yang telah dibuat di negeri Sabah terutama di hotel-hotel telah tidak dipenuhi oleh pelancong-pelancong asing.

Jadi, saya sentuh ini kerana kita sedia maklum kerana negara kita sentiasa terdedah dengan fitnah-fitnah dan dakyah daripada media asing yang sentiasa cemburu dengan kemajuan dan kemakmuran negara kita. Untuk itu, saya rasa kementerian perlu menambah lagi, barangkali memang sudah ada, tetapi kalau boleh tambah lagi. Sebab kalau menurut satu akhbar pada bulan September tahun ini yang mengatakan bahawa jerebu ini hanya akan hilang pada tahun depan, iaitu tahun 1998. Jadi, ini akan mempengaruhi negara terutama Sukom kita yang akan berlangsung pada tahun akan datang seandainya tidak ada susulan daripada pihak kementerian dan agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memperjelaskan kedudukan bahawa hari ini negara kita telah bebas daripada jerebu.

Saya ragu-ragu dan saya takut nanti negara-negara utama yang sepatutnya mengambil bahagian di dalam Sukom ini akan menarik diri. Jadi, orang kata 'sebelum hujan sediakan payung', saya faham, saya lihat di Australia sendiri pun nampak kempen untuk Sukom ini cukup hebat. Tetapi saya yakin Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sentiasa mencari jalan melipatgandakan usaha untuk menarik seramai mungkin negara-negara yang akan mengambil bahagian di dalam Sukom ataupun menjadi pemerhati ataupun menjadi pelancong.

Begitu juga di negeri Sarawak kalau tidak silap saya ada satu destinasi pelancong yang mana tidak disebut Gua Mulu. Saya difahamkan oleh rakan saya

dari Sarawak bahawa Gua Mulu adalah antara gua yang terindah, tercantik dan tidak tahu lagi apa bahasa yang boleh kita gunakan yang mana akan menarik beribu atau mungkin berjuta pelancong seandainya ia betul-betul dipromosikan secara sistematik dan teratur. Jadi, saya mohon bukan itu sahaja, di Semenanjung pun banyak destinasi pelancong yang saya yakin ianya sentiasa menjadi tarikan kepada para pelancong dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam B.25, Kementerian Pertahanan, saya ingin berkongsi pandangan dengan rakan-rakan. Saya rasa telah sampai waktu bagi kita walaupun pucuk pimpinan kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menyarankan supaya - tidak payah saya sebutlah, tetapi cadangan saya di sini supaya national service, dengan izin, boleh kita mulakan secepat mungkin. Maksudnya, apabila pelajar-pelajar atau para belia kita mencapai satu tahap umur sama ada 17 tahun atau 18 tahun agar mereka diberi latihan ketenteraan, bukan bermaksud untuk menyerang mana-mana, tetapi kita sedia maklum bahawa hari ini untuk mempercayai rakan-rakan negara sekeliling kita pun bukanlah satu perkara yang sangat meyakinkan. Jadi, tidak salah kalau hari ini kita boleh bersedia supaya belia-belia kita dapat dikerah, kalau boleh dipanggil kerahan tenaga untuk dilatih ala-ketenteraan. Jadi, kalaulah berlaku perkara yang kita tidak ingini, mudah-mudahan dijauhkan daripada apa

yang kita tidak ingini, seperti serangan spekulasi kewangan ini, kita akan dapat bersedia.

Sebenarnya kalau boleh kita yang sudah lewat umur ini walaupun melewati umur berapa daripada belia. Sebab saya lihat Kementerian Pertahanan sedang melaksanakan apa yang mereka ingin supaya setiap rakyat sekurang-kurangnya mempunyai pengetahuan atau ilmu ketenteraan.

Jadi, 412 ataupun Askar Wataniah ini nampaknya sentiasa mengambil rakyat untuk dilatih, saya ingin merayu kepada rakyat Malaysia yang dibolehkan atau yang mampu supaya ikut serta menyertai Askar Wataniah yang bertebaran atau yang terdapat di seluruh negara Malaysia ini. Jadi, tidak salah sekurang-kurangnya kita akan dapat mempelajari apa yang kita tidak pelajari, sebab ini juga merupakan ilmu yang mana ilmu ini memang wajib untuk kita menuntut daripada kita lahir sehinggalah kita ke akhir hayat.

Mudah-mudahan juga Kementerian Pertahanan akan terus canggih di mana kalau boleh peralatan-peralatan kita yang sudah agak ketinggalan zaman dapat diganti. Saya lihat Menteri Pertahanan pun bersungguh-sungguh untuk memulihkan mana yang kurang mendapat keyakinan daripada rakyat, terutama helikopter kita yang satu demi satu jatuh terjunam.

Saya yakin bahawa kementerian ini sedang memikirkan bagaimana supaya segala-galanya walaupun negara kita ini kecil berbanding dengan negara-negara

luar, tetapi kita telah berjaya mengajurkan berbagai-bagai yang tidak dapat dianjurkan oleh negara-negara luar yang lebih besar daripada kita. Jadi, orang kata biarlah segalanya kalau boleh kita buat, dengan izin, perfect se'perfect'nya.

Perkara B.26, Kementerian Pendidikan, saya ingin mengucapkan sekali lagi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang mana telah berusaha untuk melaksanakan Sekolah Bestari. Begitu juga dengan sekolah berbagai-bagai maktab dan institusi pengajian tinggi yang beliau laksanakan. Cuma saya ingin mengulangi pada hari kelmarin saya telah mengemukakan satu soalan Jawab Mulut, iaitu saya memohon Kementerian Pendidikan supaya Fakulti Perubatan dan Fakulti Islam Universiti Malaysia Sabah diwujudkan.

Kenapa saya ingin mencadangkan seumpama ini kerana kita sedia maklum bahawa di Sabah ini pun bukan semua anak-anak ini senang. Ada beberapa anak-anak yang telah ditawarkan untuk memasuki pengajian-pengajian tinggi, tetapi apabila mereka ingin mendaftar, masalah mereka ialah yuran kemasukan agak tinggi. Kalau di Sabah sahaja umpamanya sekurang-kurangnya yuran barangkali boleh diusahakan, tetapi dapatlah dikurangkan kos penerbangan yang mana paling kurang pun untuk pelajar-pelajar tidak kurang daripada RM450.00. Jadi, itu pun kita sudah buat.

Kita mahu dan kita sedia maklum juga bahawa di Sabah dan Sarawak, malah di seluruh Malaysia kita sering mendengar bahawa kita kekurangan pakar-pakar perubatan. Jadi, saya mohonlah agar Kementerian Pendidikan mewujudkan Fakulti Perubatan dan Fakulti Islam di Universiti Malaysia Sabah, secepat mungkin, kalau pun tidak secepat mungkin masukkanlah ia sebagai salah satu agenda jangka panjang Universiti Malaysia Sabah melalui Kementerian Pendidikan.

Lain-lain hal saya ingat saya tidak perlu sentuh. Cuma barangkali seperti yang pernah saya katakan bahawa bangunan-bangunan sekolah di pedalaman khususnya di negeri Sabah memang jauh lebih ketinggalan. Kita mohon supaya kementerian sentiasa melihat, mencari jalan dan kalau boleh kita tidak mahu sering ada projek-projek yang dipanggil projek kilat. Sebab bila disebut kilat maknanya ia tidak disusun, tidak dirancang teratur.

Kita mohon supaya apa juga bangunan, apa juga prasarana yang perlu dilaksanakan untuk sekolah-sekolah di pedalaman kita minta supaya biarlah ia disusun, biarlah ada 'blueprint'nya secara teratur daripada tahun ke tahun ataupun daripada satu tempoh ke satu tempoh hinggalah ke Wawasan 2020, iaitu sebagaimana yang ditunggu-tunggu dan kita harapkan bersama.

Maksud B.32, Jabatan Hasil Dalam Negeri. Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri. Saya ucap tahniah kepada

kementerian ini sebab mereka telah membuka beberapa cawangan di negeri Sabah. Kalau boleh saya sarankan atau barangkali kalau pun kini sudah di dalam perancangan, kita mintalah untuk memudahkan orang-orang pedalaman khususnya di Keningau di mana pejabat Jabatan Hasil Dalam Negeri telah dibuka hampir setahun tetapi malangnya mereka hanya dapat memberikan servis tetapi mereka tidak boleh mengutip sebarang bayaran daripada para pembayar cukai.

Kita mohon Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya perkara ini diambil secara serius agar diberi kebenaran untuk mengutip bayaran cukai, kalau pun tidak boleh dibayar secara tunai, kalau itu menyusahkan ataupun bertentangan, apa salahnya mereka membayar dengan menggunakan secara lain termasuk bayaran secara cek berpaling.

Saya juga ingin merayu kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri mungkin salah satu masalah yang mereka hadapi kekurangan kakitangan. Tetapi dari segi pungutan hasil pun saya ingat Jabatan Hasil Dalam Negeri kalau mereka ingin lebih berkesan dan mendapat pulangan yang banyak kepada negara, saya ingat tidak salah sekiranya Jabatan Hasil Dalam Negeri terus ditambah dengan kakitangan seberapa yang diperlukan. Maksud saya di sini ialah dengan bertambahnya kakitangan Jabatan Hasil Dalam Negeri ini dapatlah mengesan mana-mana pembayar-pembayar cukai yang lari daripada membayar cukai.

Sebagai contoh, kalau boleh saya sebut di Sabah, ramai pencuri-pencuri balak, bila dia pencuri maknanya tidak kena cukai. Kadang-kadang pendapatan mereka melebihi daripada orang-orang yang mempunyai lesen membalak, ada kereta mewah, rumah mewah dan sebagainya tetapi bebas daripada cukai. Jadi, apa salah kalaulah kita ada kelebihan kakitangan, minta kakitangan kita siasat, sehingga satu ketika dahulu ada seorang Ketua Pengarah daripada BPR yang sambil beliau jogging beliau melihat sekeliling. Bila nampak rumah mewah dia tanya rumah ini milik siapa.

Saya ingat cara ini antara cara yang terbaik, diam-diam macam Perdana Menteri kita, sambil bercuti sambil bekerja, ini boleh dibuat. Jadi, orang ini apa pun tugas dia, dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri, selia, ada tempat di Keningau. Saya sebut di Keningau sebab saya tahu tempat itu bermasalah besar terutama bila sebut soal pendatang tanpa izin daripada negara jiran kita. Dia menjual goreng pisang di pasar malam, pendapatannya satu malam sampai RM200 satu hari. Ini pendatang tanpa izin. Pendapatan dia RM200 satu hari, kalau 10 hari sudah RM2,000. Maknanya kalau 30 hari sudah RM6,000. Kalau RM6,000 kita sebagai pegawai kerajaan sudah berapa peratus dikenakan cukai. Ini mereka lari begitu sahaja. Selain daripada itu, setiap hujung bulan mereka kirimkan wang mereka ke negara asal mereka. Jadi, sewenang-wenangnya mereka mengaut keuntungan

daripada negara kita kemudian mereka kembalikan ke negara asal mereka. Saya rasa ini tidak adil.

Jadi, kalau boleh selain daripada pihak berkenaan mengambil tindakan kepada orang-orang ini, barangkali Jabatan Hasil Dalam Negeri memikirkan apa cara supaya orang ini tidak lari daripada cukai. Begitu juga pencuri-pencuri balak ini, bukan penyangak-penyangak sahaja tetapi pencuri-pencuri balak. Pendapatan yang begitu banyak. Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, satu ketika saya bertemu dengan seorang pegawai Hutan. Saya tanya kenapa ini tidak boleh dikawal. Apa jawabnya, “Tuan, kereta di tengah bandar pun hilang, apa lagi kayu balak di tengah hutan yang tidak ada penjaga.” Begitu jawapan yang diberikan kepada saya. Saya begitu kecewa bila jawapan seumpama ini.

Kalau sebenarnya mahu menghalangi bukan susah. Satu kawasan dipertanggungjawabkan kepada pegawai A, sebarang masalah kepada kawasan yang telah dipertanggungjawabkan kepada kawasan A, ambil tindakan kepada pegawai ini sebab pegawai ini cuai menjalankan tugasnya. Saya rasa ini boleh kita buat.

Jadi, berbalik kepada orang-orang yang lari dari cukai pendapatan, saya juga mohon supaya kalaulah masalah kerana kekurangan kakitangan mungkin jabatan-jabatan lain bolehlah dimaafkan atau boleh ditangguh-tangguh. Tetapi

kalau kita ingin melihat pendapatan negara kita bertambah, salah satu Jabatan Hasil Dalam Negeri ini hendaklah ditambah kakitangannya dari masa ke semasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Maksud B.34, Kementerian Kesihatan, sebenarnya saya ingin bercakap panjang mengenai dengan kesihatan ini dalam bab lain, tetapi saya ingat sekadar untuk memperingatkan di mana satu ketika dahulu di negeri Sabah kita mempunyai apa yang kita panggil klinik bergerak, kemudian penerbangan bergerak flying doctor, dengan izin.

Jadi, flying doctor ini satu ketika dahulu begitu rancak, iaitu zaman Kerajaan Barisan Nasional Parti Berjaya. Kerajaan Barisan Nasional sekarang nampaknya macam dikurangkan. Saya difahamkan bahawa peruntukan daripada Kementerian Kesihatan untuk memberi bayaran kepada flying doctors ini nampaknya telah dikurangkan sehingga mereka tidak dapat melaksanakan tugas-tugas mereka.

Alasan lain jalan raya sudah sampai, tetapi jalan raya sudah sampai pun nampaknya Kementerian Kesihatan juga mengalami masalah yang rumit di mana kenderaan-kenderaan untuk luar bandar begitu terhad dan tidak mencukupi sama sekali. Jadi, saya mohon supaya ini dikaji balik, mana kawasan-kawasan yang memang sentiasa dilawati dahulu, kalau boleh dikekalkan semula.

Sebagai contoh, ada satu tempat namanya Seliliran, ini sempadan dengan Indonesia di daerah Pensiangan. Satu ketika dahulu mereka akan berjumpa dengan doktor sebulan sekali. Hari ini kadang-kadang sudah sampai tiga bulan belum ada satu pun flying doctor, belum ada klinik bergerak, belum ada pihak dari Kementerian Kesihatan melawat mereka. Jadi, kasihan kadang-kadang ada yang kena malaria, kemudian ada yang kena berbagai-bagai penyakit yang sepatutnya kalau flying doctor ini still on, dengan izin, saya rasa masalah ini dapat dikurangkan. Jadi, kita mohon kalau pun flying doctor sini agak mahal, kumpul-kumpullah peruntukan itu dan buatlah klinik desa atau apa juga nama yang membolehkan masalah orang-orang di pedalaman ini dapat diatasi.

Dalam Maksud B.36, Polis Diraja Malaysia. Satu ketika dahulu di negeri Sabah berbagai-bagai stesen atau berbagai-bagai tempat polis atau pengawal keselamatan ini ditempatkan. Sejak akhir-akhir ini sudah tidak ada lagi pengawal-pengawal ini, saya tidak tahu apa sebabnya. Bila tidak ada pengawal ini, terutama pendatang-pendatang daripada sebelah Tawau yang datang ke pedalaman, ke Keningau, mereka bertindak tanpa segan-silu, siang-malam mereka berangkat daripada Tawau sebab Tawau ini bersempadan dengan Indonesia dan pendatang-pendatang daripada negara jiran kita ini dengan sewenang-wenangnya masuk ke mana negeri yang mereka suka sebab pasukan keselamatan kita sudah tidak ada di kawasan strategik yang diberi amanah untuk mengawal tempat-tempatnya yang

sepatut dikawal. Jadi, saya juga mohon supaya perkara ini diambil perhatian serius agar sedikit-sebanyak pendatang tanpa izin ini dapat dikawal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Keningau khususnya satu ketika dahulu boleh dikatakan tidak ada pendatang tanpa izin. Hari ini oleh kerana barangkali antara syarat-syarat pembalakan, sawmill yang besar-besar terdapat di pedalaman di Keningau, Sabah, di kawasan saya, di situlah beribu-ribu pendatang tanpa izin yang mana bila regularisasi ini dibuat, bila penangkapan ini dibuat, yang boleh dibuat cuma barangkali 2,000 atau 800. Lepas enam bulan, paling lama enam bulan orang-orang yang sama sudah ada balik di Keningau, Sabah.

Jadi, kita mohon kepada pihak-pihak berwajib khususnya Polis Diraja Malaysia dalam konteks mengawal tempat-tempat yang sepatutnya dikawal supaya ini diperhebatkan. Dengan adanya kawalan seumpama ini sedikit-sebanyak pendatang tanpa izin ini dapat dikawal walaupun tidak seratus peratus, tetapi sekurang-kurangnya dapatlah kita hindari gejala yang berlaku di mana bermacam-macam perkara terutama apa yang kita di Semenanjung belum berapa popular apa yang kita dengar antara pendatang-pendatang tanpa izin inilah yang menyebabkan 'syabu', sejenis ganja, dadah yang begitu berleluasa di negeri Sabah pada hari ini. Jadi, kita mohon supaya perkara ini akan diambil perhatian yang serius.

Begitu juga dengan Jabatan Imigresen, nampaknya Jabatan Imigresen bila saya bertemu dengan pegawai-pegawai mereka, mereka menyatakan bahawa

mereka juga kekurangan kakitangan. Jadi, nampaknya di sini bahawa Jabatan Imigresen yang begitu penting ini pun kekurangan kakitangan.

Kita mohonlah supaya pihak berkenaan, pihak berwajib memikirkan bagaimana cara supaya perkara ini boleh diambil tindakan. Sebut sahaja pendatang tanpa izin, saya ingat tempat yang paling banyak pendatang tanpa izin ialah di negeri Sabah. Tidak dapat dinafikan kerana dari segi geografi kita memang terdedah dengan dua negara jiran kita, satu Filipina dan satu Indonesia di mana ada yang dipanggil night something. Maksudnya di waktu malam mereka mendarat dan mereka akan mencari kawan-kawan atau keluarga-keluarga mereka yang memang sudah ada di negeri Sabah.

Jadi, kita minta supaya Jabatan Imigresen saya rasa mereka tahu mana kawasan-kawasan yang patut diserbu, mana kawasan-kawasan yang patut diambil tindakan. Malangnya saya tidak tahu, saya tahu beberapa tempat, saya lihat kadang-kadang kawasan berkenaan di situlah yang menjadi sarang kalau boleh saya sebut pembuat atau pesalah-pesalah yang kita tidak ingini.

Di Kota Kinabalu sahaja ada beberapa tempat, sebut nama tempat itu mereka tahu bahawa tempat itu ada 100% orang daripada luar yang kebanyakan pendatang tanpa izin. Barangkali kalau kementerian memerlukan tenaga atau memerlukan bantuan daripada saya, insya-Allah, saya akan bantu mereka untuk mendedahkan mana-mana tempat yang sentiasa menjadi sarang kepada pendatang

tanpa izin ini sebagai tempat mereka tinggal sehingga mereka mengatakan “ah, apa kita takut, Imigresen senang-senang jadi kawan kita.” Jadi, saya tidak tahu apa maksudnya ‘senang-senang jadi kawan kita’. Barangkali mungkin senang diatur, senang apa saya tidak pasti. Tetapi kita mohonlah supaya Jabatan Imigresen serius dalam menangani masalah ini.

Jabatan Pendaftaran Negara yang ada hubungkaitnya dengan Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia, seandainya ketiga-tiga jabatan ini berpadu tenaga untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin ini. Kalau bukan mereka siapa lagi kita harap. Saya yakin perkara-perkara negatif yang banyak berlaku di negeri Sabah hari ini dapat kita kurangkan. Maksud saya bukan rahsia bahawa kad-kad pengenalan palsu boleh dikatakan hampir paling senang diperolehi di Sabah. Kita ada wang ianya boleh kita perolehi dan alhamdulillah, dengan kedatangan UMNO ke negeri Sabah kita telah dapat mengenal pasti bahawa satu nombor kad pengenalan telah dapat dikenali bahawa ianya digunakan sehingga dua hingga tiga orang.

Bila seorang ahli UMNO ini masuk UMNO, masuk kad pengenalanya, sekali keluar tiga nama. Satu nama A, tiba-tiba datang borang daripada B, menunjuk kad pengenalan yang sama, datang satu lagi kad pengenalan yang sama. Satu tinggal di Labuan, satu tinggal di Kota Kinabalu dan satu tinggal di Sandakan, sampai begitu sekali. Jadi, alhamdulillah rahmat bagi masyarakat

terutamanya masyarakat di negeri Sabah di mana dengan adanya UMNO ianya sedikit-sebanyak telah dapat kita kenal pasti.

Jadi, kita mohon supaya pengeluaran kad pengenalan ini, saya kadang-kadang ragu-ragu bila kita tanya di sini bagaimana kedudukan kad pengenalan kita, ia beritahu kad pengenalan kita high quality, dengan izin, bermutu tinggi. Tetapi bermutu tinggi pun ada satu tempat, ini tempat saya, orang itu datang minta BPR minta recommendation, dengan izin, pada saya, saya tengok orang ini lahir di tempat di mana kampung berjiranan dengan saya, saya tahu 100% bumiputera, orang tinggal di situ. Tiba-tiba kawan-kawan daripada negara jiran kita, kad pengenalan high class, yang ada bunga raya, kad pengenalan baru. Macam mana ini boleh berlaku.

Jadi, kalau kita fikirkan, kalau Jabatan Pendaftaran Negara betul-betul menapis atau melihat masalah-masalah ini, ini bukan masalah Jabatan Pendaftaran Negara semata-mata. Ada pihak-pihak lain yang barangkali menyebabkan akhirnya orang ini mendapat. Sehingga boleh dikatakan senang mendapat birth certificate, late registration, dengan izin, lewat daftar, orang ini boleh dapat. Saya kenal orang ini datang daripada negara jiran, macam mana dia boleh dapat late registration.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah pendatang tanpa izin di Sabah ini cukup merbahaya. Sebab di sana boleh dikatakan, katakanlah pendatang tanpa izin

80,000, wanitanya kita ambillah 30,000 sahaja. Tiap-tiap tahun mereka beranak. Bayangkan kalau tiga tahun sahaja sudah 90,000. Bagaimana kita mengatasi masalah ini untuk jangka panjang.

Saya sebenarnya tidak ada soalan yang saya mahu tanya bagaimana kedudukan, isterinya orang tempatan, orang Malaysia, warganegara Malaysia berkahwin dengan pendatang tanpa izin. Mula-mula dia kata dia datang secara izin sebab dia ada passport. Tetapi sudah 10 tahun anak dia sudah lima orang. Lima orang anak tetapi satu pun tidak diberikan surat lahir. Bila dia datang dia ditanya oleh pihak Pendaftaran “Kenapa engkau kahwin sama orang pendatang asing?” Perempuan ini kata “Jodoh saya sama dia apa boleh buat.” Ini jodoh macam mana mahu lari. Pendaftaran ini kadang-kadang pun susah juga.

Sehingga hari ini kelima-lima anaknya belum ada apa-apa keterangan, apa jadi dengan anak-anak ini. Ini baru seorang yang kita tahu. Ramai lagi di Sabah kes yang serupa ini atau yang lebih teruk daripada ini di mana segala-gala keterangan tidak ada kepada mereka termasuk isteri dia. Maknanya, warganegara asing yang sudah beranak-pinak di negara kita ini bagaimana mengatasi masalah ini.

Jadi, memang untuk mengatasi masalah ini sudah melibatkan ekonomi kita dan sebagainya termasuk pekerja-pekerja kita. Tetapi kalau kita tidak bertegas

daripada sekarang sampai bila pun masalah ini akan berlanjutan sampai bila-bila dan akhirnya kita akan dikutuk oleh cucu-cicit kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi sebenarnya di Sabah kita tidak boleh salahkan juga 100% pihak berkenaan. Kadang-kadang barangkali ini masalah motivasi kepada anak-anak kita kurang ataupun generasi kita kurang. Ada ketua kampung yang mengesahkan bahawa orang ini memang tinggal di sini kerana fulus. Ada juga satu anak negeri, ada juga wakil ketua anak negeri, ada pemimpin-pemimpin masyarakat setempat yang memberi kelulusan ini, ini masalahnya. Jadi, bukan masalah semata-mata tetapi masalah itu nampaknya sudah masalah menyeluruh.

Saya dedahkan perkara ini di Dewan yang mulia ini kerana saya mohon supaya pihak-pihak berwajib, pihak-pihak berkenaan dapat memikirkan bagaimana cara kita untuk mengatasi ini. Barangkali satu masa akan datang mungkin negara kita yang tercinta ini, Malaysia juga akan jadi seperti Amerika di mana masalah warganegara sudah agak longgar atau barangkali tidak lagi sepertimana yang kita harapkan di negara kita di mana - itu tidak payah saya sebutlah, saya ingat itu off the record.

Jadi, saya mohon kepada pihak-pihak berwajib terutama dari Jabatan Pendaftaran kalau boleh kita cari jalan, hentikanlah kerja-kerja yang memburukkan suasana ini, sebab ada orang yang sudah meninggal bertahun-tahun, dua, tiga,

empat tahun tiba-tiba hidup semula. Saya tidak tahu macam mana boleh jadi begini. Tetapi rupanya orang yang meninggal ini tidak dilaporkan mati. Datang orang daripada luar, “nah, kalau hendak engkau ambil ini. Ambillah anak saya punya surat beranak.” Jadilah siA bin siB, jadi warganegara 100% sebab dia berbakakan warganegara Malaysia.

Ini pun banyak berlaku di Sabah, mereka tidak laporkan, sehingga ada yang sudah jadi kakitangan kerajaan, sehingga sudah ada jadi pegawai kerajaan. Jadi, agak sedih bila kita dedahkan perkara ini, tetapi di mana lagi kita mahu dedahkan ini kalau bukan di Dewan yang mulia ini untuk kita fikirkan macam mana perkara ini boleh kita selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.44, Kementerian Penerangan. Satu ketika dahulu saya pernah bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan di mana saya menanyakan masalah siaran bukan sahaja televisyen tetapi radio. Kalau TV3 itu memang kita sedia maklum terbataslah. Tetapi TV1, channel 1, channel 2, dengan izin, tidak dapat di kawasan-kawasan tertentu di pedalaman. Saya percaya di Sabah dan Sarawak dan di Semenanjung ini juga masih ada kawasan yang tidak dapat siaran televisyen.

Jadi, kita mohonlah supaya sedikit kelonggaran penggunaan parabola. Saya rasa ini saya mohon kepada kementerian supaya memikirkan atau mencari alternatif. Sebab parabola ini kalau harga parabola yang biasa harganya dalam

lebih kurang RM1,000. Kita bandingkan dengan parabola yang dibenarkan iaitu Astro. Astro ini bayaran satu bulan RM80.00. $RM80.00 \times 10$ bulan sudah RM800.00. Kalau 30 bulan sudah RM2,400. Ini tiap-tiap bulan kita kena bayar RM40.00. Walhal kalau kita beli parabola, dengan adanya parabola ini kita hanya bayar RM1,000 sudah berapa kos yang kita kurangi, dan sedikit-sebanyak ini sudah memberi pengajaran, boleh memberi pengetahuan, dan apa yang kerajaan ingin sampaikan kepada masyarakat di peringkat akar umbi akan dapat sampai terus.

Tetapi kalau parabola ini pun disekat, saya rasa di sinilah antara lain masalah yang dihadapi oleh Kementerian Penerangan. Kecuali kalau Astro yang boleh memberi banyak channel kepada kita, kita berharap ianya dapat diturunkan. Kebetulan pula kadang-kadang dalam Astro ini, bukan mahu komenlah, tetapi kadang-kadang agak membosankan. Barangkali ini sikap manusia yang tidak suka dengan perkara yang selalu diulang-ulang. Jadi, Astro juga perlu memikirkan kalau perlu mereka interviewlah penonton-penonton di seluruh negara ini apa jenis hiburan, apa jenis siaran atau apa jenis yang mereka inginkan. Saya fikir ini perlu.

Demikian juga saya ingat ada rakan kita daripada masyarakat India, iaitu Berita Tamil yang mana telah mendapat ketidakpuashatian daripada Ahli Dewan Negara dan begitu juga di Dewan Rakyat. Kalau boleh kita buka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya di masa-masa akan datang apabila ada siaran atau ada

perubahan yang dilakukan oleh RTM, Kementerian Penerangan, kalau boleh rundinglah, tanyalah, minta pendapat daripada wakil-wakil rakyat, daripada Dewan Negara, daripada Dewan Rakyat, daripada Dewan-dewan Undangan Negeri dan barulah sampai ke akar-umbi atau pendengar-pendengar Bahasa Tamil ini ataupun mana-mana bahasa yang perlu dipinda. Saya ingat dengan kita buat macam ini tidak akan timbul keraguan dan cemuhan daripada rakan-rakan yang terlibat dengan bahasa-bahasa ataupun siaran-siaran yang diubah ini.

Jadi, saya mohonlah sekali lagi kalau boleh Kementerian Penerangan dengan secepat mungkin dapat memeriksa, di Sabah hari ini sudah masuk enam bulan, bila kita mendengar radio siaran langsung umpamanya Berita, kadang-kadang suaranya macam, bukan juga Rock Steward, lain suaranya, kita tidak berapa dengar. Saya tidak tahu di Sarawak, tetapi di Sabah masih begitu, kadang-kadang banyak gangguan. Bila sahaja Berita, ada gangguan. Kadang-kadang datang gangguan itu.

Jadi, saya mohon supaya Kementerian Penerangan jangan biarkan ini terlalu lama. Setiausaha Parlimen kita pun daripada Sabah, barangkali beliau tidak tahukah atau tahukah tetapi tidak tahulah. Saya mohonlah supaya Kementerian Penerangan sentiasa peka dengan masalah ini. Begitu juga kita mohon apa cara supaya TV1 dan TV2 dapat dipancarkan terus ataupun seluruh pedalaman di negara kita ini dapat mengikuti.

Sehingga hari ini di Pensiangan, di Salarom, kawasan-kawasan di sebelah Kinabatangan masih banyak tempat yang belum dapat mengikuti siaran televisyen kita termasuk radio. Memang kita bukan dapat menyelesaikan dalam satu masa yang singkat, tetapi kita mohon supaya kementerian ini dapat memberitahu kepada

rakyat apa perancangan sekian tahun di sini dapat mengikuti siaran televisyen dan radio sekian tahun, TV3 sekian tahun, ada lagi channel yang baru akan datang dan sebagainya. Apa salah kalau ada ini sekurang-kurangnya harapan rakyat itu ada yang tunggu. Kadang-kadang tidak ada apa langsung yang ditunggu.

Saya masih ingat satu ketika saya bertanya mengenai dengan siaran televisyen. Dia kata tunggu satelit kita dilancarkan. Sekarang sudah dilancarkan beberapa tahun, tetapi sehingga hari ini di kawasan-kawasan pedalaman bukan sahaja di Sabah, di Sarawak pun begitu, dan saya percaya di Semenanjung ini terutama di sebelah Pahang pun masih juga mengalami masalah yang sama. Jadi, bila agaknya satelit kita ini berpuncak dalam konteks televisyen ini, saya tidak tahu. Begitu juga dengan radio.

Kepada Kementerian Penerangan terima kasihlah sebab nampaknya Jabatan-jabatan Penerangan Negeri sudah dibekalkan dengan kenderaan pacuan empat roda yang dipanggil 'Ninja Turtle' kalau di Sabah cukup bagus, tahniah dan terima kasihlah sedikit-sebanyak ianya telah dapat membantu masalah masyarakat terutama pemimpin-pemimpin di mana apabila ada perjumpaan di kawasan-kawasan yang sukar dilalui oleh kenderaan yang tidak mempunyai pacuan empat roda, ianya telah sampai ke situ dan mudah-mudahan ini akan berterusan.

Maksud B.47, Kementerian Pengangkutan. Kebetulan Yang Berhormat Dato' Ali Rustam ada di sini, terima kasihlah kerana bersama-sama di sini. Saya ingat dua, tiga, empat kali saya sudah nyatakan, kalau saya cakap fasal saman ekor saya ingat di Dewan Rakyat pun satu ketika saya lihat Yang Berhormat bertegang leher dengan pihak pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Jadi, saya tidak mahu tanya lagi fasal saman ekor. Cuma kalau boleh kadang-kadang undang-undang ini kita yang buat. Mana yang terbagus kita laksanakanlah terbagus untuk kita semua dan tidak menyakitkan rakyat.

Jadi, bagi saya, saya ingat saman ekor ini okay, cuma perlu diubahsuai, jangan membebankan rakyat marhaen yang memang tidak mampu. Itulah sebab banyak kes yang kita dengar orang yang sudah meninggal pun dapat saman ekor. Saya tidak tahu mana benarnya. Jadi, macam-macam cerita tetapi saya percaya Kementerian Pengangkutan mempunyai alasan dan mempunyai jawapan mengenai dengan masalah yang dikemukakan ini. Manusia mana yang tidak membuat kesilapan, tetapi jangan ambil itu sebagai alasan. Kalau boleh kesalahan itu kita perbaiki dari masa ke semasa.

Satu perkara yang saya ingin cadangkan kepada kementerian ini mengenai dengan 18 pacuan roda atau 18 wheels, yang mana lori 18 roda ini, ada juga yang 22 roda angkat jentera atau angkat kayu balak balak, trailer panjang. Jadi, di kawasan-kawasan jalan yang bengkok-bengkok terutama di Sabah dan Sarawak, jalannya kadang-kadang U-turn, zig-zag, dengan izin. Jadi, bila selekoh tajam dia tidak boleh pusing kerana ia terlalu panjang. Kadang-kadang di tempat saya sudah banyak kejadian kemalangan di mana kenderaan motokar, van, kereta-kereta kecil yang tidak sebesar macam 18 wheels ini accident. Ada yang meninggal, ada yang macam-macam berlaku.

Jadi, kita mohon supaya kalau pun tidak diharamkan, cari jalan macam mana supaya 18 wheels ini jangan ikut laluan yang zig-zag, yang bengkok-bengkok ini. Macam jalan daripada Keningau ke Tambunan dan Kota Kinabalu, Yang Berhormat selalu pergi ke sana, jangan dibenar ikut jalan sana, kalau boleh ambil satu laluan Jalan Kimanis. Jalan Kimanis ini betul, jalannya agak tinggi, berbukit-bukau tetapi tidak banyak terancam nyawanya. Kalau ikut Jalan Tampunan itu berapa ribu kenderaan, lori berapa banyak.

Kalau boleh kita minta Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama JKR mencari jalan supaya lori-lori yang membawa risiko tinggi ini, membawa maut

kepada orang ramai, pengguna jalan raya, pindah perjalanan mereka daripada Keningau ke Kimanis, walaupun tidak jauh. Keningau ke Kota Kinabalu lebih kurang 130 kilometer. Kalau Kimanis cuma dalam 60 kilometer, jauh sampai ke jalan yang bagus. Tetapi masalahnya kerana penguatkuasaan tidak ada, meminta mereka supaya pinda ke tempat itu. Yang kedua, lori ini barangkali kerana Bukit Chocrain, Banjaran Chocra yang menghubungkan Gunung Kinabalu sekali gus, itu yang menyebabkan mereka tidak suka menggunakan tempat itu sebab memang tinggi dan agak curam.

Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama JKR boleh memikirkan apa jalan yang terbagus supaya nyawa pengguna-pengguna jalan raya di kawasan-kawasan seperti itu di seluruh negara dapat difikirkan dan kita mintalah supaya 18 wheels ke atas ini jangan lagi menggunakan jalan-jalan yang berisiko tinggi, yang memudaratkan kepada pengguna-pengguna jalan.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya ingat terlalu banyak sudah saya sentuh mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya akan bercakap fasal ini di agenda lain. Jadi, sekali lagi kepada pihak kementerian-kementerian yang saya telah memberikan pandangan dan teguran, mudah-mudahan mana yang baik itu dapat dilaksanakan, mana yang kurang elok itu dipereleakkan supaya dapat kita laksanakan. Maka dengan kata-kata itu, saya dengan segala sukacitanya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

4.30 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya merujuk kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997 dan juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada rakan saya Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno kerana telah dengan bersungguh-sungguh dan begitu serius apabila membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997 menyentuh semua kementerian yang saya kira mewakili kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati apa yang beliau sebut tadi begitu detail sekali. Saya hanya hendak mengambil masa, saya tak tahulah panjang atau pendek, saya tidak dapat pasti, cuma saya hendak menyentuh beberapa perkara dalam Rang Undang-undang Perbekalan ini mungkin tidak banyak sangat soal dasar, mungkin secara spesifik seperti rakan saya di mana saya hendak mula dengan Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan Perdana Menteri ini saya hendak rujuk kepada Petronas sebab jarang sangat sekarang ini Petronas disentuh dalam perbincangan saya dapati di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara kerana Petronas ini telah jadi badan yang besar, sudah berjaya, jadi mungkin tidak banyak isu yang hendak diperkatakan tetapi ada perkara yang tersorok, yang saya hendak bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua dan saya harap mendapat perhatian daripada pihak Kementerian

Kewangan dan juga Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Petronas.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya hendak bawa ialah mengenai dengan penyertaan syarikat tempatan dalam projek-projek mega yang dilaksanakan oleh Petronas, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, isu yang saya hendak tanya ialah “is Petronas plays an active and effective role in assuring maximum local participation in its major projects especially in the downstream activities?” Ini saya kira penting lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang ini kita hendak menyelamatkan Ringgit kita daripada mengalir ke luar negara dan pada masa yang sama untuk membangun usahawan peringkat pertengahan iaitu entrepreneur yang juga merupakan agenda negara kita di mana kita dapat melatih ramai lagi kontraktor ataupun usahawan tempatan melalui downstream activities di mana apakah Petronas berjaya melaksanakan tanggungjawabnya.

Saya hendak rujuk sedikit latar belakang mengenai beberapa tahun yang lalu sama ada Petronas sendiri ataupun overseas consortium ataupun konsortium antarabangsa yang dibentuk untuk melaksanakan petrochemical plants yang bernilai berbilion-bilion Ringgit di bawah Petronas. Saya hendak memberi contoh terus kepada point, Tuan Yang di-Pertua, to code of you, contoh.

Projek pertama GPP 5 & 6 - Gas Processing Plant Paka, Terengganu. Nilai projek ini US\$200 juta - dealing Korea as a EPCC contractor. US\$200 juta ini tidak sedikit.

Projek kedua Petronas Sweep and Refinery, Melaka (PSR II), ini EPCC contractor ialah Chiyoda Corporation, Japan - US\$600 juta. Kedah Fertiliser Plant, Gurun, Kedah. Mitsubishi Heavy Industries Japan sebagai EPCC contractor. Itu tidak tahu nilai projek.

Projek baru Aeromatic Plant Kerteh, Terengganu yang sepatutnya ditawarkan pada bulan Oktober 1997 - US\$600 juta.

Projek baru lagi MLNG III, Bintulu, Sarawak di stage sekarang ini saya difahamkan - US\$700 juta.

Syarat kepada kontraktor-kontraktor EPCC (engineering, procumer, construction and commissioning) ini dengan kontraktor tempatan di mana kontraktor tempatan mempunyai peranan yang begitu pasif, malah tidak ada peranan langsung dalam mengambil bahagian dalam projek-projek raksasa ini.

Local participation, dengan izin, EPCC level is more over to qualified a bidding and preaward stages, itu sahaja, lepas itu sudah dapat tinggal terus, tak peduli langsung. Kita lihat hasilnya apa yang jadi?

Tuan Yang di-Pertua, hanya sedikit sahaja, ibarat kata setitik air dalam lautan, a portion of contract packages are available for local contractor, dengan

izin, maknanya sedikit sahaja yang dapat kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Kononnya kerja-kerja lain ini ada high risk, ini tidak boleh sebab hendak disiapkan dalam waktu dan masa yang singkat, ada high risk dan macam-macam alasan yang diberi. Sampai bila kita hendak bergantung dan berapa banyak duit kita mengalir keluar yang patutnya kita menggunakan kesempatan itu untuk melatih kontraktor bumiputera, yang kita dengar ini hebohnya vendor kereta Proton, Modenas, kereta Kancil tetapi macam mana dengan Petronas? Berbilion-bilion Ringgit ini Petronas hendak kena disoal juga ini, kadang-kadang kalau timbul isu MARA, riuh rendah orang bercakap bab MARA. Tetapi lupa orang bercakap soal Petronas yang projeknya beratus ribu juta Ringgit, ke mana perginya semua projek-projek, siapa yang mengaut keuntungan dan sejauh mana kontraktor bumiputera mendapat faedah dan nikmat daripada hasil projek-projek besar ini. Kita lihat local contractors, fabricators seumpamanya tidak pernah dipertimbangkan qualified for major added value components ataupun equipments, tolong tunjuk bukti kepada saya, give me the details, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sebut satu persatu syarikat kontraktor tempatan mana baik bumiputera atau bukan bumiputera yang diberi, give details kita bercakap berasas kepada facts, bukan kita kritik dengan membuta tuli, mesti ada rekod, kalau beri okay beritahu syarikat mana, syarikat bumiputera, siapa mereka dan berapa nilai kontrak, kita hendak tahu. EPCC contractor maintain first right of refusal to deny local participation and manoeuvre

tenders specification and condition to accommodate his own favourite oversea suppliers or contractors. Fasal apa, sebab mereka control EPCC ini, dia boleh buat macam-macam, dia sudah jadi JKR dah. Jadi, macam mana orang lain hendak masuk, macam mana orang lain hendak celah, itu tidak boleh, ini tidak boleh. Kadang-kadang kertas dokumen tender pun setengah-setengah sembunyi dahulu baru kita dapat tahu ataupun orang lain dapat dahulu, yang local contractor tak dapat, mungkin boleh jadi dan serba serbi boleh jadilah. Atas dunia ini pendek kata buatlah sistem macam mana sekali pun kalau tak ada kejujuran, tak ada kesungguhan, tak ada political will - tak jadi. Jadi, negara kita lost monetary games as a major items and equipment di mana barang-barang itu diimport dari luar negara.

Local fabricator contractors selalu deprived of improving and upgrading his capability and capacity as they never qualified to more added value and complicated packages even they are fully technically supported by overseas principals. Ini facts. Projek-projek besar, major projects ini selalunya dipanggil berdasarkan open tender system where or the norms Petronas awarded to the lowest technically qualified bidder much below actual budget. Maknanya memanglah kalau kita lihat di atas kertas baik sebab Petronas selalu beri projek kepada kontraktor yang termurah, ini asasnya. Nampaknya dari segi jangka pendek untunghlah, tetapi walaupun murah kontraktor ini luar negara, ikut atas

dasar US Dollars nampak murah tetapi accumulate selepas itu bagaimana, banyak yang rugi, lost in foreign exchange when major components are imported, actual transfer of technical know-how and exposure tidak ada, upgrading and supportive local contractor to accepted global standard pun tidak ada, even in percentage of local for a special is made in the monetary terms, the version of more to what level of technical expertise offered

Tuan Rosli bin Mat Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli mahu minta laluan.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dari awal tadi saya rasa bangga dengan pandangan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim kita ini, tetapi banyak sangat yang kemudian ini bahasa Inggeris yang tidak berapa kita faham. Kalau boleh Yang Berhormat Datuk ceritalah dalam bahasa Malaysia ataupun hendak sebut dalam bahasa Inggeris tolong terjemahkan, kalau boleh, fasal terma-terma kontrak ini kita kurang faham sedikit. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap bercampur-campur ini sebab ini Petronas, saya hendak beritahu kepada orang Petronas bahawa saya faham, itu saya bercakap orang putih sekali, sebab kita pun

sekarang ini kerajaan menggalak supaya kita bercakap bahasa Malaysia sedikit-sedikit bercakap bahasa Inggeris. Yang Berhormat ini Setiausaha Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia dan Yang Berhormat ada di sini pun atas tiket itu, patutnya Yang Berhormat bercakap ini, saya hendak tolong Yang Berhormat supaya Yang Berhormat pun bila balik ke persatuan nanti, beritahu kata Datuk Haji Ibrahim bin Ali sudah bercakap habis-habis dah. Okay? Jadi, soal bahasa itu saya percaya kalau Yang Berhormat ikut, dengar teliti, insya-Allah Yang Berhormat pun boleh faham dan boleh juga Yang Berhormat belajar bahasa Inggeris sedikit-sedikit, anggap ini sebagai kuliahlah.

Walau macam manapun saya terjemahlah, saya sudah sebut tadi, supaya apa yang saya bangkitkan itu mudah-mudahan biar spesifik dan pihak Petronas atau pihak kerajaan menyedari dan mengetahui bahawa kita serius dan kita ada fakta dan kita ada maklumat dan kita tahu apa yang kita bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini, Ketua Konsortium EPCC ini yang buat design, engineering semua ini, dia ada exclusive right, dia ada hak dari segi pembelian alat-alat (procument). Procument ini maknanya alat-alat dari segi prequalification ini, pra tender ini dari segi hendak membeli alat-alat ini dan juga award sesuatu kontrak, dia ada dia punya exclusive right di mana kita dapati apakah Yang Berhormat tahu, saya diberitahu bila kontraktor bumiputera, kontraktor tempatan hendak dapat RM2 juta atau RM3 juta projek dengan

Petronas di bawah EPCC ini, dua, tiga kali kena pergi ke Jepun. Ada kadang-kadang kena pergi untuk ambil borang tender, terpaksa berjalan 'travel all the way to Japan', belum tentu lagi dapat kontrak. Jadi, hendak memudahkan, borang tender keluar di Jepun. Jadi, syarikat-syarikat di Jepun senang ambil, rakyat Malaysia terpaksa terbang pergi ke Jepun hendak dapatkan tender document, ini berlaku, cuba check dengan Petronas. Saya hendak minta perkara ini dijawab dengan serius dan diambil perhatian dengan serius. Nanti bila terjadi nanti, tidak ada orang bercakap, tidak ada orang tegur, ini kita sudah tegur dah. Saya hendak beritahu senario yang kedua, Projek PSR II, projek ini di Melaka, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan pun tahu perkara ini. Kontraktornya Chiyoda Corporation Japan, Chiyoda Sendirian Berhad ini ditubuh dekat Malaysia ini dan juga MMC, semua sekali engineering, plan design, major equipment procurement ini semua sekali buat di Jepun termasuk mengeluarkan tender untuk bid package ini kepada Malaysian contractor, macam mana boleh jadi macam ini? Tak boleh kawalkah Petronas, sekarang ini Presiden dan Pengerusi Petronas hebat-hebat belaka sampai tidak boleh, sudah tidak tahu tanggungjawab, ini kita tegur ini bukan kita marah ini, kita menegur untuk membina, dan pihak kerajaan pula dengan pegawai-pegawai korporat ini jangan dok dengar sahaja, betullah mereka bercakap fasih, mereka tahu technical sebab mereka orang profesional tetapi dalam pada dia bercakap itu kita pun dengar betul-betul, nanti orang kata ada

uang di sebalik batu. Sebab itu dua hari yang lepas itu saya bercakap waktu Money Changing Bill, saya sudah ingatkan dah, kontrak-kontrak dokumen hendak buat itu kena kaji betul-betul, kadang-kadang kontrak itu tebal-tebal terselit satu, dua baris, berat tanggungan negara ini nanti, sama dengan kes tollah, siapa yang buat dokumen - pegawai kerajaan, peringkat tinggi, ketua pengarah, gedebuk, gedebak semua dia buat, lepas sahaja tender itu selesai tiba-tiba pencen. Alih-alih jadi pengerusi syarikat berkenaan, ini apa ini? Tentu orang curiga, mesti ada uang di sebalik batu, itu bahasa mudahnya, bahasa kampung. Ini serius, saya bangkit perkara ini bukan sahaja main-main, saya serius, sebab kalau kita tengok bila MARA ataupun ada agensi-agensi yang kecil-kecil ini kalau ada RM2 juta atau RM3 juta heboh keluar dalam surat khabar, local media pun bukan main lagi, headline, surat-surat khabar yang besar-besar ini, cuba check kaji sejauh mana Petronas dok bantu bumiputera dan local contractor di Malaysia ini untuk hendak tingkatkan middle class usahawan ini, usahawan entrepreneur di peringkat ini pertengahan ini, sebab Petronas adalah salah satu agensi yang banyak boleh menolong. Duit berbilion ringgit - minyak dan di situ pula banyak skill yang boleh dipelajari kerana ia petrochemicals involve dengan engineering, technology transfer, ini projek dalam kampung RM2 juta bagai hendak rak, hendak kiamat dunia ini. Ini tidak ada orang bercakap, saya bukan tidak hendak bercakap, saya

malas usik sahaja, tetapi kita tahu perkembangan. Ini saya harap sila ambil perhatian first case macam dalam mahkamah ini. Ini kes kecil.

Kes yang kedua yang saya hendak bangkitkan, cukuplah itu bab Petronas itu sudah cukup, rumusan saya bab Petronas, saya minta pihak kerajaan dan menteri yang bertanggungjawab supaya proaktif dan mengambil tahu, what is going on dalam Petronas secara detail, bukan setakat dengar briefing sahaja. Ha, ini ambil tahu, saya difahamkan banyak lagi kes yang saya dapat, saya dapat maklumat hal Petronas ini, ada kadang-kadang usahawan bumiputera pergi ke luar negara dapat konsesi minyak dari negara-negara tertentu, lepas itu dia hendak buat, dia balik cari Petronas hendak joint-venture, mula-mula okay, lepas itu site step by Petronas, they take over the project, sebab orang ini tak mampu, bunuh orang macam itu sahaja, hendak cerita memanglah payah, kalau kita hendak beri bukti pun orang kata tak betul tetapi sebenarnya berlaku, sebab cara permainan itu memang licik sekali, ha ini, saya hendak minta dan harap rekod perkara yang saya sebutkan tadi diberi perhatian dan diberi jawapan dengan serius dan saya percaya Persatuan Kontraktor Bumiputera dan Persatuan Kontraktor Malaysia pun ataupun usahawan Malaysia juga hendak tahu, sebab tak mudah.

Sekarang ini Petronas sudah jadi swasta, lagi senang dia hendak berdalih, lagi senang. Dahulu kalau di bawah kawalan 100% kerajaan senang sedikit, sekarang ini sudah swasta Petronas Dagangan sudah disenaraikan di Bursa Saham

Kuala Lumpur, Telekom sudah disenaraikan, Tenaga Nasional, kalau dahulu kalau bercakap kalau orang hendak mencari pertolongan adalah sebab di bawah kerajaan siapa yang menguasai kerajaan, Barisan Nasional - UMNO yang memerintah, sekarang ini kalau tanya sedikit, ha tidak ada, kita tidak ada kena mengena dengan kerajaan, ini kita swasta sekarang ini. Ini yang bercakap ini, yang pangkat-pangkat tinggi di atas ini, usahkan orang bawah hendak berjumpa. Senang cari kontraktor kelas 'EX', kelas 'C' tolong tanya, pernahkah Pengerusi Petronas, Presiden Petronas dalam setahun berapa kali dia jumpa dengan Persatuan Kontraktor, ada dialog, ada rundingan beritahu briefing projek-projek yang telah dibuat, ha ini sekian banyak, ada pernah buat atau tidak?

Kalau harap kontraktor kelas 'D', kelas 'EX' tulis surat kepada secretary berjumpa dengan Pengerusi Petronas. Pengerusi atau Presiden minyak ini tidak senang hendak jumpa, mungkin lebih sukar daripada hendak jumpa Perdana Menteri kita. Ini banyak kerja ini - betul, it is not easy. Apakah dia telah delegate power kepada pegawai di peringkat bawah. Saya minta perkara ini diberi perhatian.

Perkara yang kedua saya hendak minta kerajaan ini, saya hendak bangkit ini very small case sahaja, saya rasa betul-betul kecewa, orang kata orang jenis kuat ini, saya ini kira orang semangat patriotik yang berkobar-kobarlah, berapilah orang kata, tetapi kalau orang minta sekarang ini, saya tengok satu kes yang saya sebut,

ada seorang itu di kawasan saya di Pasir Mas tahun 1985 mohon hendak tubuh satu stesen minyak Petronas sampai hari ini tak selesai. Saya pernah tulis surat tak jawab dan tempat yang dia hendak tubuh ini bukannya tempat command, di kawasan yang memang belum ada stesen minyak, di Tendong, orang itu sampai sudah tua dah sekarang ini. Saya compile semua dokumennya, tulis surat kepada Presiden tidak berjawab, mungkin kakitangannya semua sibuk, ada dihantar kepada pegawai beritahu tak boleh, hantarliah satu tong yang letak atas tanah itu terus jual minyak, tolonglah! Kalau hendak tolong bumiputera, ini minyak ini Allah S.W.T. beri untuk rakyat Malaysia, tolong beritahu kepada Presiden Petronas, bukan milik seorang, dua, ada waktu kita kena bantu - kita kena bantulah, kita kena tolong. Nasib baik bercakap di sini pembangkang tidak ada, kita ada orang PAS hanya dua orang perempuan tak adalah hal, bukan dia berani lawan. *[Ketawa]* Kalau di sana memang lain, saya bercakap ini fasal semua geng kita di sini - tak apalah. Kita menegur sama sendiri dalam keluarga, kalau tidak dimana lagi kita hendak bercakap? Dah keluar dah orang PAS dua orang itu - mujurlah. Kalau dia tak dengar, kalau dia dengar pun dia tidak faham. *[Ketawa]* Bukan dia tahu apa pun, yang dia tahunya syurga/neraka - syurga/neraka apa bendanya, detail tak tahu, macam mana hendak ke syurga, macam mana syarat-syarat hendak ke neraka pun tak berapa tahu, tahu syurga/neraka sahaja. Ini kena bercakap bab rakyat, nama pemohon ini kesnya Tuan Haji Mahmud bin Haji

Awang, Syarikat Seri Wangsa, Lot 821, Kampung Tokbok Tendong, dia beri dah alasan, tak bolehlah, begitulah, beginilah, susahlah, orang ini tualah. Yang Berhormat, hendak tolong seribu daya, tak hendak tolong seribu dalih, mahu seribu daya, tak mahu seribu dalih, ia atau tidak? Memang macam itulah kalau kita hendak tolong memang boleh, ha ini habis bab Petronas.

Bab yang kedua Dewan Bandaraya. Dewan Bandaraya ini pun saya tengok ada satu hal, ada pihak-pihak yang merungut dengan Dewan Bandaraya di mana mereka tak bayar sewa lepas itu belum terima notis, rumah sudah dipecah, ini pun satu hal. Saya hendak minta pegawai Dewan Bandaraya pun tolong prihatinlah. Saya terima surat saya bawa, siapa tulis surat kepada saya, saya bawa dalam Dewan Negara, saya wakil rakyat Malaysia. Saya bukan setakat Pasir Mas sahaja. Surat ini saya lihat di sini, fasal tidak munasabah, saya mudah simpati, saya orang marhain, sebab itu saya masuk ISA dua kali dahulu - betul! Sebab saya orang marhain. Ini saya tengok ini, dia ini sewa kedai mungkin dia tidak buka kedai atau dia tidak bayar sewa, lepas itu orang Dewan Bandaraya pergi pecah, dia lapor kerosakan dengan kehilangan harta berjumlah RM150,000. Kenalah ada prihatin sedikit yang kecil-kecil, yang nyamuk-nyamuk suka sangat kita kejar, yang besar-besar itu, yang tali leher besar, sapu tangan dalam poket ada title di depan tak berani sangat, ia atau tidak? Itu saya saja hendak sebut, bukan serius itu. Itu hal Dewan Bandaraya.

Sekarang saya hendak masuk soal Jabatan Hasil Dalam Negeri. Saya ucap tahniah kepada peranan Jabatan Hasil Dalam Negeri dan kita melihat peningkatan pendapatan pun cukup baik, cuma tinggal lagi bila saya baca Kertas Perintah 16A tahun 1997 muka surat 6 - Maksud T.11 - Perbendaharaan - Bab 1 (i) sebanyak RM350 juta untuk membiayai bayaran balik dan bayaran ganti rugi bagi cukai-cukai Jabatan Hasil Dalam Negeri yang telah terlebih dikutip dari pembayar cukai mengikut Seksyen 108 dan 110 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Maknanya bila kita melihat detail ini betullah rungutan selama ini, kita hendak Jabatan Hasil Dalam Negeri tegas dan kita hendak dia kejar orang yang tidak mahu bayar cukai, tetapi dalam pada itu janganlah terlebih kira pula, terlebih taksir sehingga peraturannya apabila ditaksir kadang-kadang ada orang yang daif juga hendak isi borang, dia tidak sempat, dia tak tahu isi borang walaupun dia berniaga, maka pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri buat tafsiran dan bila sudah buat tafsiran kena bayar dahulu, tidak bayar, passport kena rampas, kena caj di mahkamah, kemudian kalau didapati tidak tepat maka bolehlah dituntut, dibayar balik. Soal setengah-setengah orang yang berniaga ini di mana dia hendak pertamanya hendak cari duit hendak bayar kalau tafsiran itu tidak tepat, contohnya ada seorang dia jadi ahli lembaga pengarah satu syarikat besar, listed company, dia ada menerima bayaran elaun dan macam-macam lagi dan walaupun dia menerima elaun, pada awal-awal lagi syarikat itu potong dia punya cukai, syarikat itu pula

belum lagi bayar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri, bila cukup taksiran dia beri Borang EA ini dan terpaksa dihantar.

Jadi, oleh kerana syarikat tidak bayar dia menerima elaun sebenarnya katalah RM3,000 sebulan dan dipotong sekian-sekian banyak, tinggal RM2,000 tetapi cukai tafsiran dimasukkan manakala syarikat pun hendak kena bayar. Itu yang terlebih itu. Jadi, kepada mereka yang miskin ini aniyalah, yang besar-besar tak apalah dan saya minta kalau boleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri try your best, try the very best, so that bila buat tafsiran itu biarlah buat seboleh-bolehnya biarlah tepat, kalau ada yang memberi maklumat yang tidak tepat andai-andai pun janganlah sampai naik 30% atau 40% daripada gandaan dibuat assessment, aniaya - sebab kes income tax ini orang tidak boleh hendak query, dari segi undang-undangnya income tax yang paling kebal, so you cannot argue, the more you argue with the income tax the more you get the bluffer, ya atau tidak? Jadi, saya pun tak mahulah sebab itu saya puji selalu, tetapi saya tidak ada apalah yang hendak disembunyikan sebab saya orang miskin. Tetapi tinggal lagi saya hendak minta supaya kalau boleh bila buat tafsiran itu biarlah tafsiran setepat yang boleh, maknanya kalau hendak multiply dari segi differences, 5% ke 10% ada dia punya, jangan suka-suka kerana pegawai masing-masing ada pegawai macam ini, ada pegawai macam ini, ada setengah dia pergi cari orang, orang ini tidak mahu bekerjasama, dia geram, dia buat macam pegawai polis, aku kenakan kamu, naik

tiga, empat kali aniyalah. Jadi, tolonglah ada prihatin. Saya cuma hendak minta sebab bila saya lihat angka RM350 juta, memang it is a very big amount, proven that, maknanya dari segi tafsiran tidak begitu tepat, kalau tidak, takkanlah angka begini besar sekali. Itu Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Sekarang saya hendak pergi kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Ini saya hendak minta maklumat sahaja. Ini hal Bank Rakyat, apakah status kedudukan Bank Rakyat sekarang ini dari segi dasar kerajaan, apakah ianya akan di peringkat penswastan ataupun akan di MBO sebab saya dengar cerita macam-macam sehingga baru-baru ini macam cerita KUB, satu peringkat itu saya lalu ikut Jalan Parlimen, orang berderet pergi ke Bank Rakyat, saya kata: “Hendak buat apa ini?” Dan ada orang telefon di pejabat saya hendak minta borang. Saya kata: “Borang apa?” Borang Bank Rakyat, orang kampung pun tahu, minta hendak masuk duit, sebab Bank Rakyat ini akan diswastakan, disenarai dan macam-macam cerita. Masing-masing pun masukkanlah duit dalam Bank Rakyat. Senyap pula sekarang ini. Macam mana?

Saya hendak tahu dan saya hendak cadangkan kalau boleh walaupun dalam proses penswastan biarlah ada juga dua, tiga bank ini duduk dalam kerajaan supaya musim-musim kemarau boleh rakyat gunakan. Kita tubuh Bank Bumiputra dahulu pun hasil daripada Dasar Ekonomi Baru. Kita tubuh Universiti Kebangsaan. Dalam penswastan saya menyokong penuh penswastan ini tetapi

dalam kita menswastakan agensi-agensi kerajaan, yang kita katakan dahulu yang rugi-rugi, yang tidak boleh hendak jalan, ha itu kita swastakan supaya dapat di turn around yang untung pun boleh juga diswastakan, yang besar-besar macam bank ini cukuplah diberi kepada orang-orang individu sebanyak 30% atau 40%, hendak beri sangat beri kepada Tabung Haji, beri kepada PNB, majoriti control. Tabung Haji pun sekarang ini banyak orang simpan duit, dia pun berfungsi macam bank juga, saya pun hendak cadangkan supaya Bank Rakyat ini dijadikan second Islamic bank, kita sudah ada Bank Islam, sudah proven system bank Islam dan Bank Islam ini sudah berjaya, sehingga orang-orang yang bukan Islam pun banyak simpan duit dekat Bank Islam, pinjam duit di Bank Islam, kenapa tidak kita jadikan Bank Rakyat sebagai 'second feeder' ataupun jadikan Bank Rakyat ini sepenuhnya 'full flash another Islamic banking', tak payah sebutlah nama Bank Rakyat itu Bank Rakyat Islam, kalau tanya orang PAS memanglah, itu hendak Islam, bangku Islam, kerusi Islam, kereta api Islam - dia bukan pada nama, apa ada pada nama. Nama ini Dolah, Mamat pun boleh, yang nama Mohamad pun nama sama dengan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. pun, nama Mohamad dalam pusat serenti itu beratus ada, nama Ibrahim, Nabi Allah Ibrahim, macam saya ini [*Ketawa*] pun ada juga, tetapi yang baik pun ada juga, taklah semua macam itu. Jadi, apa ada pada nama, bangku Islam, meja Islam, parti PAS parti

Islam, tak usah kira asalkan orang tahu bahawa full flash Bank Rakyat ini adalah Bank Islam dan keep into the control of the government.

Saya cadang macam Bank Bumiputra supaya ada bank-bank yang telah diswastakan di MBO tak apalah macam syarikat-syarikat yang operational yang tidak ada kena mengena dengan soal sistem banking, sebab bank ini pun tengok dalam keadaan sekarang, tengok Indonesia, bila Rupiah kena serang IMF masuk, the first thing that IMF beri - okay, close certain bank. Sebab dalam sesebuah negara, satu bank jadi masalah collapse the whole system, bukan sahaja bank, syarikat kewangan berlesen, even money brokerage mana-mana yang dalam rangkain sistem kewangan negara, satu kena, the whole system habis, orang hilang confident. So, bila kita serah sekarang ini sudah banyak, Malaysia French Bank, Hong Leong Bank ada beberapa sudah pun kawallah, so kalau ada satu, dua lagi macam Bank Bumiputra, ada orang riuh rendah dok hantar surat cadangan proposal sampai selori kertas kerja itu, hantar semua kepada sayalah kertas kerja itu, betul - tak payahlah. Bank Bumiputra ini juga dilahirkan di atas air mata rakyat dahulu selepas 13 Mei, hendak tolong orang Melayu, lain-lain agensi hendak swasta - swastalah, pelabuhan boleh, lapangan terbang boleh but not Bank Bumiputra. Ini di antara bank-bank termasuk Bank Rakyat, bank-bank yang kita anggap, yang kita harap kalau hari kemarau jadi ada bank yang boleh rakyat tuju nanti, yang hendak ramailah, saya pun hendak kalau boleh. Ha, betul, tetapi kalau

ikut hendak, tetapi saya kata tak perlu. Jadi, saya cadang supaya Bank Rakyat saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Kabinet pertahankanlah Bank Rakyat ini janganlah jadi macam projek-projek penswastan yang kita beri. Saya minta supaya disimpan di bawah amanah kerajaan bagi pihak rakyat seluruh negara, serius saya cadang, sebab sekurang-kurangnya ada Bank Bumiputra, ada Bank Rakyat, ada lagilah Bank Industri, Bank Pembangunan ada lima, enam buah bank ini biarlah kerajaan pun ada bank juga. Betul kita sokong, saya sokong tetapi sebab mereka dok berebut Bank Rakyat ini sebab apa, sebab cek-cek tengok ada RM7 bilion aset. Adalah buat kertas kerja begitu begini, cuba tolong buat kertas kerja syarikat-syarikat yang rugi ini ambil alih dari kerajaan, itu saya sokong 101% *[Ketawa]*. Mesyuarat pun tak payah panjang-panjang boleh lulus terus sahaja. Ini yang rugi tak hendak minta, yang untung itu berbilion-bilion itu berebut, hingga bergaduh-gaduh sampai keluar tersebar cerita dan hingga rakyat percaya Bank Rakyat hendak di MBO lepas itu hendak pergi listing ada bonus issue, meluru pergi simpan, sampai borang pun kena fotostat, saya pun kena maki dalam telefon. Jadi orang politik borang Bank Rakyat pun tak ada, mana saya kerja dengan Bank Rakyat hendak simpan borang ini, yang saya hot ini sebab telefon datang ke pejabat saya. “Oh, Datuk kenalah Datuk, Datuk boleh cakap dengan pengurus, Datuk orang kuat politik, Datuk boleh pergi ambillah 100 borang bawa balik kepada kami.” Takkah gila kerja ini? Siapa punya kerja ini, ha itu kes Bank

Rakyat. Jadi, saya cadang keep Bank Rakyat under government. Jangan dok gaduh hendak swasta.

Yang kelima, saya hendak bangkit Kementerian Belia dan Sukan dan ada kena-mengena juga dengan Jabatan Perdana Menteri, ini untuk memperelokkan bandaraya sempena dengan Sukan Komanwel, jadi termasuklah juga Kementerian Belia dan Sukan, sekali guslah.

Saya hendak bangkitkan, saya lihat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah buat baru-baru ini melancar kempen Malaysia di London, saya lihat dalam surat khabar bas bertingkat, oh cantik, saya ucap tahniahlah, first time saya lihat kerja bagus, first time saya melihat kempen hendak menarik pelancong yang saya lihat baru ada ummmph! walaupun pejabat TDC dahulu di Trafalgar Square itu, letak poster besar-besar, orang pun tidak ada di dalam, burung sahaja lalu di depan itu, burung itu tengok sahajalah di Trafalgar Square kerana tidak berapa banyak orang yang masuk ke situ, tetapi setelah dibuat bas ini saya lihat cantik, cuma ada kaitan dengan kempen Sukan Komanwel ini. Sekarang ini kita tahu keadaan ekonomi kita sedang menghadapi masalah, walaupun Ringgit kita rendah dan kita harap orang datang ke Malaysia tetapi kita telah belanja banyak duit, semua peruntukan belia ada dan kementerian lain pun ada kaitan dengan Sukan Komanwel, projek-projek infrastruktur, Bukit Jalil pun ada lagi ini

RM138 juta, Butiran 01800 ini, di depan ini ada lagi, bermakna banyak belanja untuk Sukan Komanwel.

Saya cukup bimbang bila sampai ketika Komanwel tahun depan nanti, rakyat tempatan oleh kerana dilanda oleh krisis ekonomi ini tak upaya hendak pergi melihat sukan, orang Terengganu hendak datang ke KL atau orang Kedah, dengan tiketnya RM50 atau RM100 bagi satu-satu acara, orang luar pun tak mari, saya cukup bimbang. Jadi, maknanya kempen publisiti untuk Sukan Komanwel ini kena lebih agresif, kena lebih hebat. Jangan take for granted, saya bimbang nanti acara renang tengok-tengok peserta dengan pegawai sahaja, adalah 100 orang yang menonton dalam stadium, orang lain melihat melalui kaca TV, hendak pergi duit tak ada, orang luar pun tak mari, maka kita akan mengalami kerugian, jadi, go all out untuk publisiti.

Saya nampak publisiti ini cukup lemah, ini minta maaflah pihak SUKOM atau Kementerian Belia dan Sukan, saya di Latin Amerika itu tidak masuk bawah Komanwel tetapi apa salahnya sampai ke Latin Amerika kita kempen. Saya baru-baru ini dapat kesempatan mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke Latin Amerika, ke Cuba, Argentina, Chile saya pergi, saya tengok tidak ada pun poster Sukan Komanwel, dalam surat khabar atau di tepi jalan ataupun betul kempen, hatta di kedutaan-kedutaan, sepatutnya di setiap kedutaan kita Wisma Putra pun patut tolonglah, sepatutnya di setiap kedutaan itu ada poster Sukan

Komanwel. Berapa hari lagi dah? Televisyen pun sudah beritahu, setiap lepas Warta Berita ha, 286 hari lagi, itu tak pernah lupa itu bagi yang membaca Warta Berita, di Dataran Merdeka pun ada berapa hari lagi dah. And worst saya hendak beritahu, ini saya melihat dengan mata kepala saya sendiri, lepas saya balik dari Latin Amerika, one week after that saya pergi ke Kanada, saya pergi ke Ottawa ada Parliamentarian Conference Forum, saya diundang ke sana, saya pergi, Kanada adalah anggota Komanwel, saya duduk di Ottawa, di Westin Hotel dan saya pergi ke kedutaan, Kanada itu anggota Komanwel yang akan menjadi salah satu negara yang akan menyertai sukan, tidak ada pun poster Sukan Komanwel di sana, betul, not even one poster mungkin juga ada dan saya tidak nampak. Saya berhenti di Toronto, kemudian saya pergi ke Ottawa, saya balik ikut Montreal. Sepatutnya di airport ada poster besar, kalau tidak pun billboard, poster itu ada, Sukan Komanwel di Malaysia, di kedutaan-kedutaan, di rumah-rumah pelajar atau bila saya berhenti di London, di Malaysia Hall di London pun tak ada poster Commonwealth Games ini, usahkan yang lain. Restoran-restoran Malaysia yang ada di luar berselerak di London pun tak ada juga poster Komanwel, orang tak tahu, apa yang dikatakan kempen di luar negeri. Dia by posters yang paling mujarabnya ialah kempen-kempen seumpama ini. Di seluruh Kanada saya melihat tak ada, lepas itu dari Ottawa, bukan saya hendak cerita saya pergi Kanada ini, saya memang sudah banyak kali dah pergi, dahulu pun saya student saya sudah

duduk tiga bulan di sana tahun 70-an dahulu, student exchange dahulu. Tetapi dari Ottawa saya naik kereta, saya sewa, saya pergi ke Montreal sebab connecting flight hendak balik, maknanya lebih kurang dua jam saya naik kereta dari Ottawa ke Montreal, sepanjang jalan saya perhatikan, saya mengantuk, saya hendak tengok juga ada atau tidak poster Sukan Komanwel, sekeping pun tidak ada. Di mana yang dikatakan kempen Sukan Komanwel ini, kempen dalam negara kita ini satu hallah, kita di sini last minute pun kita boleh buat, TV ada, radio ada, kita boleh letak di billboard, ada orang kompelin, besok pun kita boleh pasang, tetapi di luar negeri macam mana?

Saya rasa hairan saya bercakap dengan beberapa Ahli Parlimen, saja tidak hendak mengakukah, saja dia hendak main sayakah, saya kata, saya Ahli Parlimen, saya pun cerita we invite you to my country.....blah, blah, saya pun kempenlah, and next year, you know Malaysia ia hosting the Commonwealth Games and Malaysia is a good country, beautiful....blah, blah, saya pun tambah, gorenglah, dia pun tak tahu ada Commonwealth Games di sini. Ahli Parlimen peringkat Timbalan Menteri tak tahu. Cuba tengok di kedutaan tidak ada poster, di rumah-rumah pelajar Malaysia tak ada poster, sekurang-kurangnya di dalam negara Komanwel, even kalau tidak anggota negara Komanwel pun kita boleh kempen. Di Latin Amerika, di negara-negara pulau itu, bawa pergilah print banyak-banyak poster itu, kalau letak di mana saya tak nampak, tetapi mata kepala saya, saya tak

nampak poster, jadi, macam mana orang hendak mari nanti, mana orang hendak tahu nanti.

Jadi, saya harap supaya kempen publisiti Commonwealth Games ini, Sukan Komanwel 1998 ini di luar negara terutama di negara-negara anggota Komanwel sendiri dibuat secara agresif, secepat mungkin, don't take for granted, dalam keadaan suasana sekarang ini kita perlu kempen lebih hebat, lebih-lebih lagi negara kita dilapor berjerebu sampai sekarang ini, CNN hari-hari dok lapor dahulu, bila sudah cerah tak lapor balik, Menteri Penerangan kata sudah berunding, tetapi saya lihat dalam CNN belum lagi, orang menganggap Malaysia ini berjerebu, jadi hendak mari macam mana?

Sukan Komanwel pun dah tak tahu, laporan yang negatif kerana jerebu pun satu hal, jadi tentulah saya bimbang takut tak ramai orang datang nanti. Jadi, teguran ini adalah teguran yang membina, tegur untuk mencari kebaikan.

Jadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, walaupun tidak ada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada dua orang tetapi ada seorang Setiausaha Parlimen, elok saya mendoakan naik pangkat, insya-Allah. Yang lain tak ada ke mana, sibuk semua ini, saya minta Yang Berhormat sampaikanlah apa yang saya sebutkan.

Bila sampai kepada hal Komanwel ini, ada persidangan, ada seminar hendak minta pandangan orang itu, hendak minta pandangan orang ini, buat kertas

kerja, datang ke Parlimen sahajalah dengar orang macam kita bercakap cukuplah, tak payah cari pakarlah, ini pun sudah kira seminar juga ini. This is also a forum of seminar high power, cuma kita ini tak dilihat sebagai a fellow of ISIS fasal kita bukanlah mengaji tinggi sampai boleh jadi pakar, kita bukanlah sama dengan Kenichi Ohmae yang tulis *The Borderless World* ini, tak sampailah, kita bukanlah orang peringkat itu, tetapi forum ini penting, dengar kita bercakap pun cukuplah, tak payah banyak-banyak kertas kerja, tak payah cari pakar Jepunlah. Kita ini orang on the street sebab perkembangan semasa dunia ini selalunya dia melihat benda yang reality by the roadside, so kita dok tengok, dengar orang kampung, orang bandar bercakap, orang di kedai kopi bercakap, kita kumpul-kumpul maklumat ada juga bahan-bahan yang membina, the so-called intellectual pakar-pakar ini dia tidak bercakap dekat bawah ini, dia tidak rujuk dekat bawah, dia main tekan komputer, dia tengok buku, dia tengok angka-angka, lepas itu dia fikir sebagai thinker dia reka dia punya teori - tak jadi. We are dealing with human beings, kita mengendalikan manusia, management of human beings ini. Betullah pakar ini dari segi teknologi, dari segi teknikal betul kita hendak kepada pakar, tetapi dalam hal ini kena dengar tak payahlah seminar banyak-banyak duduk dekat kita ini. Kempen National Action Economic Council (NAEC), orang dok bercakap macam-macam ini, mesti letak orang yang berwibawa, betullah saya bersetujulah, jangan letak orang yang ada personal agenda, betul-betul orang

yang fikir untuk kepentingan negara, betul-betul orang yang fikir untuk kepentingan rakyat dan jangan pula tengok pula, ha mesti hendak lantik dia ini, dia ini ada Ph.D.kah? Ha, dia ini pernah pergi Harvard Universitykah, profesor pun kalau berniaga pun yang bankrap ada juga. *[Ketawa]* La, betul, profesor ada yang bankrap, maknanya belum tentu dia pandai, teori satu dan ahli fikir satu, laksana di bawah satu, memahami keadaan di bawah satu. Ha, ini sebab itu saya harap sangat, ini forum ini, dengar ini sahaja, tak payahlah seminar sana, seminar sini, if you are patience enough dengar kawan-kawan kita bercakap semua ini Yang Berhormat Datuk Haji Sairin tadi bercakap - betul! Dia tahu Bukit Kota Kinabalu itu tangga berapa hendak sampai ke bawah, dia bilang, tanya profesor dia boleh beritahu Gunung Kinabalu setinggi sekian, berapa ribu kaki, tetapi dia tak tahu batu besar di mana, batu kecil di mana lorong mana, lubang mana, tanya Datuk Haji Sairin, dia tahu, walaupun dia tidak profesor, betul atau tidak? Sebab itu kadang-kadang kena dengar tetapi di sini bila kita bercakap banyak pun betullah masuk dalam *Hansard* kalau ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dengar, pegawai-pegawai dengar, yang lain wallahu'alam, dia tahu atau tidak kita bercakap ini. Dia baca atau tidak *Hansard*, dibawa atau tidak dalam post-Cabinet meeting yang kita bercakap ini, kalau tidak saya tidak hendak bercakap ini, letih sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya bangkitkan, ini betul ini. Tetapi saya bercakap ini fasal saya buat homework, sebab itu saya memang serius, saya memang kerja baik saya puji dan kerja yang tak baik memang orang yang hendak kena - kenalah, saya bukan kisah sangat, orang hendak kena saya, kenalah. Kalau kita buat tak betul, kalau kita buat salah? Tetapi saya bercakap benda yang betul dalam hal Commonwealth Games yang saya katakan tadi, tak ada poster, risau saya tengok, banyak orang tak tahu, berapa banyak poster - tak ada. Billboard pun satu dua di sini sahaja, penganjur bukan main banyak ini, sekurang-kurangnya kalau lepas Commonwealth Games ini hendak jadi gajah putih pun tak apalah, sekurang-kurangnya masa Commonwealth Games itu at least for that particular day during Commonwealth Games at least orang datang betul dua, tiga, empat juga okaylah, macam kita buat pelamin anaklah, anak kita hendak kahwin, kita buat pelamin sampai RM7,000 atau RM8,000, ada orang buat di Shangri La Hotel, pelamin pula itu di depan itu air batu, ya atau tidak, air batu di depan itu, orang kaya-kayalah, bukan senang hendak buat itu, tetapi tak apalah, because ini dia kira sekali seumur hidup, once in a life time, sama juga Commonwealth Games in - sekali dalam berpuluh-puluh tahun belanja lebih sedikit pun tidak mengapa, kita buat lepas ini yang mana-mana itu pun kita terpaksa sekarang, bila kita hendak something big, kita kena adalah cost that we have to pay, macam orang hendak kahwinkan anak tadilah, tetapi janganlah sampai nanti jangkaannya orang tak

ramai, saya cukup bimbang dengan SUKOM ini, sebab itu saya bangkitkan. Jadi, itu bab Kementerian Penerangan.

Hal Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini, pertama saya hendak bertanya satu lagi, semua negeri-negeri ini sudah ada Hotel Seri Malaysia, Kelantan belum lagi sebab Kelantan ini di bawah Kerajaan PAS - pembangkang. Dan syarat Hotel Seri Malaysia ini dia kena buat di atas tanah milik kerajaan, jadi, saya lihat Hotel Seri Malaysia di negeri-negeri lain semua ada dan saya really commended Hotel Seri Malaysia saya kira one of the best hotel, murah, cantik, tempatnya strategik - cantik

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ha, ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat mungkin Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali tidak sedar di Perlis pun masih belum ada lagi, Melaka pun tidak ada lagi.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Perlis pun tak ada, Melaka pun tidak ada, tidak cukup tanah kot! *[Ketawa]* Kena declaration. Saya bersetujulah Perlis, Melaka, Kelantan. Sekurang-kurangnya Perlis dan Melaka itu dipercepatkan dan saya percaya kerajaan negeri tidak ada masalah untuk mendapat tanah tetapi Kelantan mungkin bermasalah, tetapi walaupun begitu janganlah kita di deny pula

Hotel Seri Malaysia ini, jadi, saya minta kalau boleh pihak kerajaan menimbangkan supaya di Kelantan dasar mengadakan Hotel Seri Malaysia ini janganlah disyaratkan untuk Kelantan kena dibuat di atas tanah milik kerajaan. Kalau kementerian kena beli - belilah sedikit dan di Kelantan pun tanah murah sama juga Perlis, very cheap. Kalau macam di KL satu ekar berjuta ringgit, RM300 atau RM250 sekaki persegi - mahal, tetapi di Kelantan RM2 atau RM3 sekaki persegi sahaja, cukup murah tanah di Kelantan.

Jadi, saya harap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kementerian Kewangan tolong beriduit luluskan dia beli tanah 20 ekar atau 30 ekar - harganya murah dan buat Hotel Seri Malaysia supaya pelancong-pelancong boleh duduk di hotel. Sebab saya cukup berkenan Hotel Seri Malaysia ini, dia punya ciptaannya cukup menarik, kalau hendak buat paling cantik di Pasir Mas - betul. *[Ketawa]* Very strategic sebab pasir Mas ini dia kira bandar yang kedua selepas Kota Bharu dan ada potensi kerana dia dekat Thailand, jadi ada jambatan - betul. Saya bukan kempen, saya bercakap ini memang sesuai betul, kalau hendak dibuat dan saya minta ditimbangkan supaya Hotel Seri Malaysia ini dibina di Kelantan. Di Perlis dan Melaka agar dipercepatkan dan di Kelantan supaya tanah itu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan beli sendiri dan buat, ini saya minta sangat.

Lain-lain perkara, saya sudah hendak berhenti lima atau sepuluh minit lagi, saya tidak mahu hendak bercakap panjang, saya hendak bangkitkan satu perkara lagi. Pendek-pendek sahajalah, saya tak mahu panjang-panjang. Sekarang ini MARA sudah tidak boleh hendak taja pelajar sebab ringgit kita jatuh, kita pun menggalakkan pelajar-pelajar jangan pergi ke luar negeri tetapi saya hendak mintalah sama juga dengan kereta Mercedes baru ini dibeli berlonggok untuk KLIA, akhir sekali Kabinet buat keputusan kerana sudah beli dahulu terpaksa diluluskan, ada 22 pelajar bumiputera di bawah program Junior Year Programme 3=1, ini orang Melayu bumiputera, saya rasa semua sokong, sebab kita hendak tingkatkan kuota bumiputera, sudah tidak boleh pergi ke Amerika. Junior Year Programme 3=1 ini nama-nama student pun ada dengan saya ini, budak-budak ini datang jumpa saya berderet di pejabat, tolonglah macam mana. Saya kata, "Saya bukan dalam government". Saya kata, saya bercakap bolehlah, ini yang 22 orang ini, dia sudah dapat tempat dah, tetapi sekarang ini tak boleh pergi, dia hanya pergi sethaun sahaja untuk menyelesaikan dia punya degree, takkanlah tak boleh kita timbangkan, ini MARA - menterinya tak ada, di bawah ITM ini Kementerian Pendidikan, diminta di bawah pinjaman MARA tetapi kalau boleh Kementerian Pendidikan pun sudah ada Tabung Pendidikan Nasional ini, saya ingat digunakanlah peruntukan ini untuk menolong pelajar-pelajar ini, ada seramai 22 orang dan mana-mana ada di luar negeri, walaupun duit kita jatuh, yang hendak

masuk final year, kalau pointnya satu, dua point four below tak usahlah dok tarik balik, biarlah budak-budak ini selesaikan belajar. Kita yang RM3,000 atau RM4,000 hendak belajar kita kira sangatkah? Buat paip besar-besar itu, kadang-kadang tidak guna - tak kira, buat tangga bangunan besar-besar kita tidak kisah. Ini budak-budak hendak mengaji ini, biarlah four below one point, two point berilah kepada mereka, yang ini final year, kita kill dia punya inspirasi, kita tidak rasa fasal kita sudah lepas.

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Marimuthu minta laluan.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya minta permintaan ini, saya sokong. *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Thank you very much! *[Ketawa]* Ini betul, sebab rugi, budak-budak ini dia sudah bersemangat, sudah dua, tiga tahun dalam kepala dia, 1998 at the end of 1997 dia akan pergi ke Amerika, dia sudah bayangkan dah, kan semua orang ada impian, everybody have a dream, ada impian. Dia sudah bersedia hendak pergi, tiba-tiba last minute dia diberitahu tak boleh pergi, dia punya semangat itu, motivasinya itu, bout. Jadi, saya minta kes ini

tolong ingat ini Yang Berhormat, tolong catat ini, dia panggil Junior Year Programme 3+1 daripada ITM ini ada 22 pelajar, bukan banyak sangat final year.

Akhir sekali ada dua lagi - pendek, yang lain saya sambung nanti semasa perbahasan. Ini saya saya hendak rujuk Kementerian Pertanian ini pun satu hal. Kementerian Pertanian ini banyak yang saya hendak bercakap, hal Bank Pertanian saya hendak sentuh kemudian. Masalah satu kes ini pun kes yang sudah lama, ada satu Syarikat Kerjasama Serbaguna (SKS). Dahulu dia ada lesen kilang padi di bawah syarikat kerjasama ini kemudian tiba-tiba syarikat kerjasama ini lesen kilang padi ini berpindah kepada Zainun & Yaacob Sendirian Berhad. Siapa yang buat kerja ini? Nama pegawainya tolong check, Encik Annuar, Pegawai Pelesenan Bahagian Kawal Selia Padi Beras, Kementerian Pertanian, secara sulit, surat itu kepada saya, telah membantu dan menolong Syarikat Zainun & Yaacob untuk mendapat lesen pengilang yang asalnya milik SKS, mungkin pegawai ini buatlah alasan macam-macam ini, syarikat serbaguna ini tak jalanlah, begitulah, beginilah, dia sewa kepada oranglah, tiba-tiba ditarik diberi kepada Syarikat Zainun & Yaacob, dalam kawasan saya. Ahli koperasi ini tidak sedikit, dia sudah buat laporan ini kepada BPR cadangan ini, saya pun hendak tahu and I want to take this case seriously. Kadang-kadang buat pinda ikut suka tidak rujuk, tidak buat kajian betul-betul, orang kampung yang bergaduh. Benda-benda yang macam ini kalau syarikat koperasi serbaguna, kalau milik kilang padi, milik pengilang yang terlibat

orang kampugn 550 atau 600 orang, kita kena berhati-hati, bukan sahaja di tempat saya, melibatkan para petani, orang ini boleh bawa golok, parang ini. Saya sudah tulis kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri - dijawab pun tidak, thank you very muchlah. Saya hendak beritahu, itu terpulang kepada Yang Berhormat Menteri hendak jawab rujuk tanya merekalah.

Kadang-kadang ini yang saya naik hot juga sedikit-sedikit, kerana tidak munasabah, lesen ini syarikat koperasi punya, kalau koperasi itu ada kelemahan begitu begini tolong bantulah, beritahu kepada saya, beritahu kepada pemimpin masyarakat dan beri notis kita hendak tarik ini. Ini tidak, tiba-tiba orang berhimpun tengah malam pukul 3.00 pagi pergi lingkung rumah saya hendak jumpa sebab kes ini. Teruklah saya, bukan saya tidak hendak ambil tanggungjawab, tetapi tidak patut, ini yang saya kata pegawai-pegawai di Kelantan itu tolong check sedikit. Mungkin sengaja hendak sabotaj sokong PAS wallahu'alamlah, hendak timbulkan masalah kepada kita, kalau kita sebutkan depa kecil hati, saya cukup sokong pegawai-pegawai kerajaan ini tetapi setengah-setengah itu kadang-kadang kita setiap hari boleh diguna pakai, boleh dirujuk, boleh ditanya pandangan kita, tetapi terus buat, dia tidak kisah apakah kesan yang akan berlaku di peringkat bawah.

Jadi, ini pun saya hendak sentuh Kementerian Pertahanan ini, panjang ini, saya simpan untuk Belanjawab nanti, ini last ini. Saya hendak berhenti pada pukul 5.30 petang.

Satu lagi saya hendak rujuk kepada Jabatan Kerja Raya, saya hendak minta Jabatan Kerja Raya ini di Pasir Mas juga ini, saya hendak beritahu ini sebab saya tidak hendak nanti macam bila tiba-tiba kita lihat satu kemalangan bencana berlaku maka keluarlah dalam televisyen pada pukul 8.00 satu jawatankuasa ditubuh untuk menyiasat perkara-perkara macam kapal terbang jatuh, macam helikopter jatuh di Pasir Mas Yang Berhormat, sekarang ini ada kereta api. Betul-betul dalam bandar Pasir Mas dahulu sudah berlaku saya tidak ingat tarikhnya, kereta api langgar bas, 40 orang lebih mati, hari ini gate itu masih sama lagi, traffic jam tak usah kisahlah, Kuala Lumpur pun traffic jam. Tetapi di sebelah itu sekolah lima, enam buah. Saya hendak minta JKR dengan sokongan Kementerian Kewangan tolong buat kajian cepat dengan mengadakan by-pass di jalan kereta api itu, ini untuk keselamatan.

Saya lepas ini besok kalau jadi apa-apa saya sudah cakap dah, jangan bila 'baannngg' sekali lagi berlaku kemalangan, ha ditubuh jawatankuas amenyiasat, siasat buat apa lagi sudah jadi dah. Ya atau tidak? Jadi, saya minta supaya ini kertas cadangan saya difahamkan sudah pun dihantar oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas kepada Jabatan Kerja Raya Kelantan mungkin telah diangkat

sampai ke atas, saya tak tahulah supaya walaupun dalam keadaan musim sekarang ini duit pun kita hendak projek-projek pun ditangguhkan, saya pun bersetuju, saya pun lebih lagi sebab semangat patriotisme, tetapi projek-projek yang saya kira perlu sangat dan ada kena-mengena dengan keselamatan rakyat, jadi saya mintalah diambil berat iaitu projek by pass di bandar Pasir Mas yang merentangi jalan kereta api. Ini penting sangat untuk keselamatan.

Jadi, itu yang saya sentuh, last sekali ada seminit lagi, Kementerian Penerangan ini Yang Berhormat Datuk Haji Sairin sebut tadi, saya hendak sebut itu sahaja, Warta Berita ini selalunya pukul 8.00, ini kira prime time pukul 8.00 dikira itu katanya kalau tanya Kementerian Penerangan tidak boleh hendak argue dah, sebab kita sudah buat kajian - kaji selidik. Popular pukul 8.00. Saya cadangkan kalau boleh Berita Perdana ini 8.30 ataupun pukul 9.00 malam, sebab orang kampung banyak yang terlepas Berita Perdana ini, mereka bukan macam orang bandar, mereka setengah jam sebelum Maghrib sudah ke madrasah, sudah ke surau, lepas itu duduk di surau. Lepas sudah sembahyang Maghrib mereka bertahlil, kadang-kadang habis tahlil bersembang-sembang di madrasah, di surau, lepas Isyak baru mereka balik ke rumah, pukul 8.30 malam dia sampai ke rumah. Warta Berita Perdana pukul 8.00 malam, sebab itu kadang-kadang agenda negara mereka miss, kalau kita tanha: “Dengar atau tidak berita?” “Tidak, tidak dengar!” Sebab dia ada di surau. Orang KL pun sekarang ini pun tak dengar dah Warta

Berita pukul 8.00 malam, sampai pukul 10.00 malam traffic jam. Ha, ini yang semua sekarang ini yang balik kalau ada overtime, sekarang ini kalau kena hujan apa semua, 9.00 atau pukul 9.30 malam.

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ha, dia bangun, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Hendak sokong lagi? *[Ketawa]*

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya minta Datuk sokong saya, saya minta Warta Berita Tamil pukul 6.00 petang.
[Ketawa]

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya sokong, memang saya sokong, sudah lama saya sokong ini, saya memang sokong betul, orang ini dia tahu sebab kita bercakap ini tentu kita tidak cakap main-main sebab kita tahu waktu mana orang ada di rumah, it should be 8.30 or 9.00 o'clock. Kalau ada di rumah pun waktu warta berita, kadang-kadang kita sedang bersembahyang. Kebanyakan orang kampung yang alim, dia pergi sembahyang maghrib, dia hendak sambung terus dengan waktu isyak. Sebab itu saya pun tengok sekarang ini di K.L. bila orang buat kenduri kahwin di hotel pukul 8.00 malam, pukul 6.00 petang hendak kena pergi, miss maghrib, trafik jam. Ini semua kejar dunia dan karut betul, lintang pukang habis. Sebab itu dinner by 8.30 or 9.00, lepaskan kerja-kerja ini, orang boleh dengar warta berita pun dengan tenang, semua orang boleh dengar.

Satu lagi, saya hendak suruh wujud balik program Peristiwa. Dahulu ada, cukup popular program Peristiwa ini. Program Peristiwa ini sekarang sudah tidak ada. Laporan Dewan Negara tidak ada, Dewan Rakyat tidak ada. Ada waktu Warta Berita, oh, kita sudah beri coverage untuk Dewan Rakyat, untuk Dewan Negara. Prime time Warta Berita, betullah, hujung-hujung sahaja, sebutlah Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan menjawab Jabatan Hasil Dalam Negeri mengambil tindakan.....bla, bla,.....hasil daripada pertanyaan Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, gambar pun tidak ada. Orang Kelantan pun tidak tahu siapa dia. *[Ketawa]* Tak syoklah, bercakap bukan main lagi, letih tahu tak, Dewan Rakyat baik, Dewan Negara baik, mana hendak cukup tiga minit, surat khabar pun tidak ada, geng-geng ini bercakap. Saya gerenti Yang Berhormat Datuk Haji Sairin pukul 8.00 malam mesti duduk di depan TV, tak keluar punya. *[Ketawa]* Tak ada space. Nasib baik yang jadi menteri, timbalan menteri, okaylah, sebab menteri dan timbalan menteri menjawab, jadi tentulah kena beri laluan kepada menteri dan timbalan, ada chance itu pun, tak semua.

Jadi, kenapa tidak setengah jam, pukul 9.00 malam ambil bahagian Peristiwa ini masukkan Laporan Parlimenkah, dahulu ada khas Laporan Parlimen. Tak hendak masuk TV1, TV2 pun tak apalah, asal orang yang minat dia tahu pukul 10.00 malam ada laporan khas, semua disebut orang yang bercakap, Datuk Haji

Sairin disebut, Tuan N. Marimuthu disebut, Datuk Haji Ibrahim bin Ali disebut, barulah orang kampung tahu kita ini dok berjuang, ini dia kata kita mari tidur, betul tak, sokong ini? Ha, semua sokong. Takkan saya kata saya tak betul lagi, semua sokong. Laporan Parlimen boleh buat dan laporan Peristiwa boleh buat.

Saya tengok timbalan menteri dan setiausaha Parlimen pun tidak banyak coverage sekarang ini, not much space pasal pemimpin kita ramai, tak apalah, kita bukanlah suruh potong yang lain-lain, tidak. Berhentikanlah satu dua rancangan sitcom, Butik dan entah apa benda ini, boleh kurangkan satu dua rancangan dan waktu sidang Dewan Rakyat pun bukan tiap-tiap hari, setahun tiga kali, ini 12 hari, maka ada 12 hari Laporan Khas Dewan Negara. Tak hendak TV1, TV2 pun tak apa. Kalau sudah ada TV2 pukul 9.00 malam, saya pun balik dan buat poster besar di Pasir Mas, Datuk Haji Sairin boleh bawa balik ke kawasan dia, semua boleh bawa balik, naik poster di Perlis, pukul 8.00-9.00 malam ada laporan khas sidang Dewan Negara, tengok muka aku hendak keluar malam ini, rakyat penuh hendak tunggu itu. Adalah sikitnya, betul, tolong buat, bukanlah mahal sangat belanjanya. Ini sukan, kadang-kadang saya tengok laporan hoki, atas padang ada enam orang, dekat satu jam lebih tunjuk dalam TV - lawan hoki. Takkanlah tak boleh fikir, hendak kena tegur semua ini.

Jadi, saya tidak hendak merepek banyak, Tuan Yang di-Pertua, sudah cukuplah. Saya ucap terima kasih, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1997. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba.

5.33 ptg.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang. Saya ingin mengambil bahagian untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1997, satu akta yang akan dibahaskan dan telah pun dibahaskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Saya berterima kasih dan syabas kepada pihak kementerian dapat menyusun perbelanjaan tambahan yang diperlukan untuk pembangunan dan tambahan perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh berhubung dengan Kementerian Pertanian, iaitu B.19. Kita tahu Kementerian Pertanian ialah banyak hubung kaitnya dengan petani-petani, nelayan, sama ada peladang dan pekebun kecil. Dahulu ada Dasar Pertanian Negara tetapi Dasar Pertanian Negara tidak menolong negara yang sebenarnya. Banyak perkara yang tidak dapat dijalankan sesuai dengan kehendak rakyat, bukan cukup dengan subsidi baja sahaja. Contohnya, kita tahu sekarang ini sepatutnya Kementerian Pertanian mengeluarkan

siaran ataupun mengarahkan kepada pertubuhan peladang atau koperasi-koperasi yang ada berselerak dalam negara kita untuk menggerakkan semula cara bumi hijau kerana kita tahu bahawa banyak wang kita mengalir mengimport barang-barang sama ada sayuran, buah-buahan, makanan termasuk daging ayam dan lembu daripada luar negara. Sepatutnya masa yang penting inilah dapat kita gunakan dan dapat menolong kerajaan untuk mengarahkan petani-petani bercucuk tanam di pinggir rumah mereka bagi mengurangkan perbelanjaan harian, tidak payah membeli sayur di pasar-pasar ataupun di kedai-kedai.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh perkara B.43 iaitu Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Kita tahu bahawa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ini ialah banyak berhubung kait dengan hal pembangunan tanah. Kita harap kementerian ini dapat menggerakkan lebih lagi berhubung dengan pembangunan koperasi, iaitu sekarang ini koperasi sekolah, koperasi pekebun kecil, koperasi NARSCO iaitu sebuah induk koperasi yang diwujudkan oleh RISDA yang mengandungi 54 buah koperasi yang berselerak dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dapati sekarang ini bahawa RISDA bercanggah dengan perjalanan koperasi NARSCO dan koperasi pekebun kecil, mahupun peringkat daerah dan peringkat negeri sedangkan koperasi ini telah

diwujudkan, ditaja dan diilhamkan oleh RISDA sendiri pada ketika itu. Banyak kemajuan telah digerakkan dibuat oleh pihak koperasi pekebun kecil dan koperasi NARSCO di peringkat kebangsaan.

Apa yang berlaku sekarang ini ada kerja-kerja pengurusan rancangan yang telah dibuat oleh koperasi daerah, koperasi peringkat negeri dan koperasi NARSCO diambil alih oleh pihak RISDA sendiri. RISDA menubuhkan anak syarikat mereka, jadi bercanggah keadaan ini. Sepatutnya kalau RISDA menubuhkan anak syarikat mereka, tidak payah sentuh kepada koperasi yang sedang berjalan sekarang kerana itu adalah memajukan pekebun kecil, serupa juga keadaannya. Sepatutnya RISDA boleh mencari satu jalan lain, satu jalan keluar, banyak perancangan projek yang lain boleh diterokai, tidak sepatutnya mengambil kerja-kerja yang telah pun dijalankan oleh koperasi pekebun kecil. Jadi, hal itu mendukacitakan, percanggahan berlaku, kadang-kadang menimbulkan masalah pekebun-pekebun kecil di seluruh daerah dan juga di negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bangga kerajaan kita sekarang ini iaitu kita berjaya dan kita patut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pucuk pimpinan kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kerana dalam suasana kita dilanda oleh krisis wang, pertelingkahan kita dengan negara luar yang menyentuh kedaulatan negara kita, dapat juga kita melaksanakan seperti menjayakan LIMA yang ketiga, yang baru dirasmikan pada

hari semalam. Pameran LIMA itu telah pun diikuti bukan sahaja negara-negara jiran bahkan negara-negara Barat yang menaikkan imej kita, yang menimbulkan suasana yang begitu baik kepada negara kita. Bukan itu sahaja, bahawa baru-baru ini kita berjaya dalam Persidangan Asia Pasifik iaitu diadakan Persidangan Menteri-menteri Kewangan di negara kita.

Kejayaan menteri-menteri ada disebut dalam surat khabar, “Asia campur enam”, sebulat suara telah pun membentuk dana Asia, satu-satu tabung untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi dan mata wang negara kita di Asia ini. Cadangan tersebut dicadangkan oleh negara Hong Kong tetapi disetujui sebulat suara. Ini menunjukkan kewibawaan negara kita untuk melaksanakan apa yang telah dirancang oleh negara kita yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah diterima semua pihak. Kita dapat tahu bahawa baru-baru ini juga negeri Korea Selatan hampir-hampir menolak tawaran untuk pinjaman Dana Kewangan Antarabangsa atau lebih terkenal IMF. Jadinya sebab-sebab negara kita menolak, banyak syarat yang bertentangan, yang tidak sepatutnya dibebankan kalau kita menerima pinjaman daripada IMF tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berhubung dengan satu perkara lagi iaitu Kementerian Kesihatan. Baru-baru ini satu peristiwa yang berlaku di negeri Melaka, seorang bayi yang putus kepala kononnya hendak menyelamatkan ibu bayi pada ketika itu. Tadi kita dengar daripada Setiausaha Parlimen

Kementerian Kesihatan mengatakan kita ada banyak pakar dalam kementerian tersebut. Yang jadi masalah ialah pertelingkahan jawapan dan juga penerangan di antara suami isteri (famili itu sendiri) dengan kementerian bercanggah. Ini sangat memalukan kita. Sepatutnya perkara ini tidak begitu dihebahkan dan boleh merosakkan imej khasnya pentadbiran hospital kerajaan sendiri. Sepatutnya tidak berlaku dan tidak begitu heboh keadaannya dan mengapa berlaku? Ada pihak mengatakan perkara itu pembedahan (operate) dilakukan. Jadi, bagaimana kalau pembedahan dilakukan boleh putus kepala? Satu perkara yang agak ganjil juga sedangkan kita mempunyai pakar.

Dahulu saya telah menyebutkan layanan setengah-setengah pihak, saya tidak katakan semua, ada setengah-setengah pihak di hospital kerajaan. Inilah menyebabkan orang-orang tawar hati kadang-kadang dan merasa tidak senang oleh kerana pentadbiran yang sedemikian. Contohnya, dahulu saya sebut seorang wakil rakyat di satu kawasan membawa anaknya ke hospital waktu malam. Bila dibawa ke hospital, apa yang didapati, kata doktor perempuan, anak kamu ini tidak ada harapan lagi, lebih baiklah bawa keluar ataupun ke mana-mana. Patutkah sedemikian? Ini cerita dan peristiwa yang sebenarnya berlaku, tetapi sampai hari ini budak itu boleh hidup lagi. Belum lagi disiasat, belum lagi di x-ray, belum lagi dirawat, tetapi mengeluarkan perkataan yang sedemikian. Betapa hal kalau orang kampung sendiri, seorang ahli Dewan Undangan Negeri? Saya sudah pun

melaporkan perkara ini kepada Hospital Melaka, saya beri telefon untuk berjumpa dan menerangkan kalau boleh kita mengatasi perkara-perkara sedemikian, jangan berlaku lagi, tetapi sehingga hari ini mereka tidak melayan teguran saya.

Kita tahu sekarang ini rata-rata kebanyakan orang, setengahnya yang mempunyai kemampuan lebih suka pergi ke hospital swasta, bukan tidak mahu pergi tetapi kadang-kadang seolah-olah ada juga tawar hati untuk pergi ke hospital kerajaan. Saya bercakap ini bukan untuk menuduh tetapi perkara yang benar, sepatutnya benda-benda ini tidak berlaku.

Satu peristiwa berlaku di hospital daerah, seorang kawan saya pergi ke hospital, tunggu sampai satu setengah jam, dia beri kad nombor giliran. Tunggu sampai satu setengah jam, tidak juga dipanggil, akhirnya mereka keluar dan pergi ke hospital swasta. Inilah kita harap supaya kementerian tersebut memberikan kursus ataupun memikirkan sesuatu yang baik untuk rakyat, janganlah berlaku apa yang dibenci oleh rakyat kerana kita khasnya kerajaan ini adalah dipilih oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh B.14, Kementerian Penerangan, sekalipun telah banyak disentuh oleh rakan-rakan saya sebelum ini. Saya menyokong pindaan patut dibuat berhubung dengan rancangan warta berita yang disebutkan tadi, sebab sekarang ini pembangunan Islam yang begitu mendadak sekali khasnya umat Islam dalam negara kita. Waktu siaran warta berita

itu jam 8.00 malam, kalau boleh kita ubahlah sebagaimana pandangan sahabat saya tadi, Datuk Haji Ibrahim bin Ali, kita ubah 8.30 malam, kerana kadangkala biasalah di kampung sama ada masjid dan surau, kebanyakan ahli-ahli agama orang-orang Islam ini selepas dia solat maghrib, dia meneruskan belajar takmir sehingga jam 8.30 malam, lepas itu dia baru dapat balik ke rumah. Jadi, kadangkala kalau ada peristiwa rancangan berita yang sepatutnya mereka dapat ikuti, tetapi kalau sebahagian besar rakyat khasnya umat Islam ketika itu masih di surau dan masjid, dia tidak dapat bersama-sama dan mengikuti keadaan. Jadi, bukanlah kita hendak suruh dia tengok apa yang kita lakukan di sini, tetapi maksud saya supaya semua pihak dapat mengikuti. Ini kita minta bagi pihak Kementerian Penerangan mengkaji semula keadaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak begitu bersedia tetapi oleh kerana saya tengok tidak ada kawan yang bangun, mungkin selepas ini saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi, saya rasa.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:.....cukup setakat itu dan saya berterima kasih.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi nampak orang hendak bercakap, bukan?

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Ya, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Puan Jamilah Ibrahim.

5.50 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi laluan kepada saya untuk turut bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1997 yang baru dibentangkan semalam. Saya hanya menyentuh beberapa kementerian sahaja kerana tentulah kita beri peluang kepada rakan-rakan yang lain dalam Dewan ini untuk menyentuh lebih detail.

Pertama, saya mengambil bahagian dalam B.1 mengenai Parlimen. Sebenarnya apabila kami berdua datang ke Dewan Negara ini, penggal yang lalu kita telah pun membuat ucapan penangguhan mengenai perkembangan dan suasana di Parlimen ini. Tetapi setelah saya memikirkan mungkin ini terlalu awal bagi kami untuk memberi pandangan, maka alhamdulillah dalam Rang Undang-undang Perbekalan ini ada disebutkan mengenai Parlimen. Pandangan saya, ingin mengesyorkan supaya ditubuhkan jawatankuasa khas terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai wakil-wakil bagi semua parti, baik dari Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara bagi mengatasi masalah-masalah kekurangan kakitangan yang semakin kurang. Masalah ini mungkin berlarutan. Oleh itu, saya ingin mencadangkan di sini supaya skim tangga gaji kepada para Pelapor Perbahasan Parlimen bagi kedua-dua Dewan ini harus ditingkatkan. Tanpa berbuat demikian, saya yakin sukar untuk mendapatkan tenaga kerja yang mencukupi. Di samping

itu, sahabat di dalam Dewan ini juga semalam menyebutkan masalah bilik air laki-laki dan bilik air perempuan, walaupun benda ini kecil dan dianggap remeh, tetapi saya sedih juga melihat di bilik sembahyang wanita mempunyai almari dan meja kecil yang teramat usang. Kalau di jabatan-jabatan lain, ini termasuk di dalam perkara-perkara ataupun peralatan pelupusan. Minta diberi perhatian.

Yang keduanya, saya akan masuk dalam B.16 iaitu semalam ada wakil daripada Dewan ini menyebut masalah bomba ini katanya ada pembangkang merasakan perkara ini membazir. Sebenarnya saya ingin menyampaikan hasrat saya iaitu saya juga turut ingin menyokong rakan-rakan dari Dewan ini kepada anggota-anggota pasukan bomba yang terlibat dengan tugas-tugas memadamkan api di negara jiran, iaitu di Indonesia, sepatutnya diberi imbuhan dan pembelaan yang sebaik mungkin sama ada dari segi rawatan kesihatan ataupun insentif kewangan yang sesuai dengan pengorbanan yang telah mereka tunjukkan itu.

Seterusnya saya masuk kepada bahagian B.19. Saya ingin menyarankan kepada Jabatan Pertanian agar benar-benar dapat memainkan peranan membantu bagi mewujudkan para petani dan nelayan moden yang benar-benar mandiri dan berdikari. Jika di negara-negara maju Barat khususnya, para petani menjadi golongan yang berpendapatan lumayan. Tidak ada sebab yang boleh menghalang bagi petani-petani di dalam Malaysia ini yang masih lagi wujud kais pagi makan pagi untuk cuba dimartabatkan kedudukan mereka. Oleh kerana kita menerokai

gelombang kedua dan ketiga iaitu industrialisasi dan teknologi maklumat, maka petani-petani dan nelayan-nelayan juga harus kita bela untuk mendapat pembelaan yang sewajarnya di dalam alaf baru iaitu tahun 2000 supaya mereka ini dikenali sebagai petani dan nelayan moden dan berjaya memperolehi pendapatan yang tinggi dan lumayan.

Seterusnya saya akan masuk kepada B.26 iaitu mengenai Kementerian Pendidikan. Saya ingin menarik perhatian kepada kementerian ini supaya menubuhkan satu badan perunding khas terdiri daripada wakil pelbagai parti politik sebagaimana Majlis Perundingan Ekonomi (MAPEN) bagi meneliti dan mengkaji semula Dasar Pendidikan Negara ataupun Dasar Pendidikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Negara seharusnya kalau boleh berlandaskan panduan Ilahi, berdasarkan al-Quran dan Sunah kerana pembangunan manusia dan kebendaan di dalam tamadun keemasan dan keagungan kerajaan-kerajaan Islam di zaman lalu telah terbukti berjaya mencipta kecemerlangan tanpa tandingan sehingga kecemerlangan tersebut berjaya sebagai penyelamat kepada mengubah perjalanan sejarah. Tanpa dasar-dasar yang berlandaskan ajaran al-Quran dan Sunah, maka kesan dan hasil dasar pendidikan agak kurang berkesan untuk melahirkan generasi insan berilmu dan berakhlak.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menghormati pandangan Yang Berhormat tadi, cumanya saya hendak dapat penjelasan sama ada kerajaan di negeri Kelantan telah mengamalkan di antara banyak cadangan Yang Berhormat timbulkan tadi sebab di Kelantan adalah kerajaan lain. Adakah dia amal, dia tubuh jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai parti politik?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih. Sebenarnya saya memberikan pandangan dan saya tidak mahu menganggapkan sebarang pandangan itu membawa kepada negatif. Kita mesti menghalakan minda kita, paradigma kita untuk menuju kepada kesatuan dan keberkesanan di dalam semua bidang. Itu saya rasa mungkin setakat ini Kelantan pun belum lagi melaksanakan dengan sebaik mungkin.

Seterusnya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada B.34 iaitu mengenai Kementerian Kesihatan. Saya ingin menyarankan supaya pihak kementerian ini mengadakan penyelidikan sama ada secara bersendirian ataupun melalui kerjasama dengan badan-badan dunia seperti World Health Organisation (WHO) bagi mencipta ubat-ubat yang boleh menyembuh secara kekal penyakit-penyakit seperti Hepatitis, penyakit AIDS, termasuk juga penyakit kencing manis dan darah tinggi. Kesemua penyakit tersebut merupakan punca kematian yang

tinggi di dalam negara kita. Oleh itu, sewajarnya pihak kementerian memberikan keutamaan dalam masalah ini supaya penyakit-penyakit berkenaan tidak menjadi halangan kepada kesihatan dan kesejahteraan warganegara kita. Di samping itu, pihak berkenaan hendaklah menambahkan pakar-pakar doktor yang cukup bagi mengatasi pesakit-pesakit yang terlalu ramai serta berusaha menambahkan bilangan doktor-doktor yang sepatutnya sudah lama disediakan dan mencukupi di kawasan-kawasan luar bandar kerana orang-orang di pedalaman amat keberatan untuk datang ke hospital yang agak berjauhan dengan tempat yang dia tinggal. Sebab itu, saya amat setuju dengan pandangan sahabat saya yang baru sahaja tadi membincangkan masalah kecuaiian, adalah kecuaiian yang berlaku di kalangan para doktor.

Seterusnya saya akan menyentuh mengenai Kementerian Penerangan iaitu B.44. Saya mengharapkan Kementerian Penerangan cuba, kalau boleh, mengurangkan ataupun menghentikan filem-filem yang berunsur keganasan dan seks di samping mengurangkan filem import yang sesuai dengan keadaan inflasi sekarang. Oleh kerana radio dan televisyen sudah mendapat pulangan yang tinggi melalui iklan-iklan, maka sukalah saya mencadangkan supaya bayaran lesen televisyen itu direndahkan ataupun dibatalkan.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai B.52 iaitu Kementerian Kerja Raya yang sepatutnya mengkaji semula kenaikan kadar bayaran tol yang amat

membebankan pengguna. Pihak peniaga yang terlibat dengan tol sudah tentu akan menambahkan kos kenderaan mereka dan juga pengguna mengharapkan sangat bahawa pihak kerajaan mengurangkan di dalam bidang ini.

Setakat itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, dan saya mengundur diri.
Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin.

6.00 ptg.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997, Akta Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997.

Saya ingin menyentuh tentang B.19, Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian peruntukan sebanyak RM43,426,100 bagi membiayai perbelanjaan skim subsidi baja padi. Kementerian perlu melihat kembali komoditi ini sebagai suatu komoditi yang amat penting sebagai bahan makanan utama. Kita lihat negara kita ini bahawa tanah kita yang ada sekarang ini tidak akan bertambah luas lagi, dia tetap luas itu juga. Penanam padi mungkin menurun, gunatenaga telah mengalir ke bandar, teknologi penanaman dan penuaian serta pengurusan padi, pada saya, masih dalam keadaan statik walaupun sekarang ini didapati MARDI telah dapat mengeluarkan klon ataupun benih-benih baru. Kita dapati bahawa di negara kita banyak tanah terbiar yang tidak digunakan sedangkan kawasan itu masih sesuai

untuk ditanam padi. Jadi saya mengharapkan beberapa agensi terutama agensi-agensi yang terlibat dengan Kementerian Pertanian dan juga swasta perlu mengambil alih tugas-tugas petani kita yang kekurangan ini.

Penggunaan teknologi penanaman dan penuaian dari segi penggunaan jentera juga saya lihat perlu ada perubahan. Kalau dilihat alat-alat jentuai, kebanyakan alat-alat jentuai yang ada di negara kita terlalu besar yang mana tidak mampu untuk menuai padi-padi bagi pekebun-pekebun kecil yang jauh di pedalaman dan kecil-kecilan dengan sewa yang mahal dan tidak ekonomik. Jadi saya mencadangkan juga kerajaan perlu menjana atau membina kilang baja organik daripada campuran dan kitaran semula secara biologikal bagi bahan-bahan keluaran tempatan seperti jerami padi yang mana semalam katanya dibakar begitu sahaja.

Sisa buangan ternakan seperti buangan najis ayam dan lembu dengan lebih saintifik bagi membendung import dengan harga yang mahal, sebab duit kita turun, harga baja pun naik di mana kelmarin Kementerian Pertanian menjawab satu soalan rakan kita mengatakan jerami padi dibakar menyebabkan pencemaran di udara, malah jerami padi juga boleh diproses dan dijadikan 'silage' dan diperam untuk memberi makanan ternakan yang sentiasa berkeliaran di jalan-jalan raya. Sepatutnya ternakan ini dikurung dan diberi makan.

Menyentuh tentang ternakan, kita mengimport 70,000 tan daging dengan nilai RM400 juta setahun. Jumlah ini dapat dijimatkan jika pihak swasta terutama ladang-ladang sawit dan getah menggunakan tanah mereka yang ada bagi kegunaan untuk projek-projek integrasi ternakan sama ada lembu atau biri-biri. Jika dikira bagi lembu yang mudah ditenak seperti lembu Kedah dan Kelantan, purata daging yang kita perolehi lebih kurang 14 ekor boleh menghasilkan satu tan metrik daging. Oleh itu, kita perlu menampung lebih kurang 980,000 ekor ternakan untuk mengeluarkan 70,000 tan daging setahun. Jadi, kita perlu ada lebih kurang 2 juta ekor induk betina yang perlu dihasilkan daripada pemeliharaan induk, boleh menghasilkan lebih kurang 980,000 ekor jantan yang boleh disembelih dan kita memerlukan lebih kurang 24.5 juta ekar tanah bagi menampung pemeliharaan ternakan tersebut. Saya percaya dan yakin dengan keluasan ini bagi menternak ternakan ini boleh ditampung sedikit seandainya pihak ladang-ladang kelapa sawit dari segi penggunaan pelepah, isi rong kelapa sawit (PKC dan PKNE) serta jerami padi boleh digunakan sebagai makanan bagi menampung penternakan tadi.

Saya juga ingin menyentuh B.42, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, sebanyak RM18,395,800 diperlukan. Kita dapati sebanyak RM14,695,800 merupakan pelarasan gaji kakitangan dan imbuhan tetap kakitangan termasuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Baru-baru ini kita terbaca

melalui akhbar bahawa CUEPACS dan KANTAS, dua persatuan kakitangan akan membela lebih kurang 66 orang kakitangan yang akan disarakan bagi jawatan S8 dan S9 dalam jabatan yang berkenaan. Mereka ini rata-rata berpendapatan dalam lingkungan RM1,000 gaji sebulan. Jika mereka ini disarakan, sudah tentu pendapatan mereka akan turun, kurang daripada RM500 sebulan. Andai kata mereka ini ada membuat pinjaman, seperti pinjaman perumahan ataupun kereta dan sebagainya, sudah tentu kerajaan akan menjadikan 66 keluarga tadi menjadi golongan pencen termiskin yang dilakukan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, mereka akan pencen juga apabila sampai masanya kelak, tetapi biarlah pencen mereka terancang dan tersusun, bukan cara pencen terkejut dan mendadak.

Berkaitan dengan masyarakat Orang Asli yang bermastautin di negara ini lebih 4,000 tahun dahulu merupakan peribumi asal negara ini. Mereka juga merupakan penyokong kuat kerajaan dan kebanyakannya ahli UMNO. Kerajaan perlu melihat kembali dalam Perlembagaan negara kita, iaitu Artikel 153 Perlembagaan Malaysia yang memberi kedudukan istimewa kepada rakan-rakan orang-orang Melayu, kaum-kaum native di Sabah dan Sarawak, kesemuanya penduduk asal di negara ini. Status Orang Asli tidak dinyatakan langsung sama ada mereka ini, termasuk saya, diiktiraf sebagai bumiputera atau tidak. Tidak dinafikan segala kemudahan dan keistimewaan boleh dinikmati bersama dengan golongan bumiputera yang lain melalui dasar-dasar, peraturan-peraturan dan

program-program yang meningkatkan taraf hidup golongan bumiputera. Yang lebih penting ialah perasaan dan hati masyarakat kami Orang Asli yang perlu dijaga, di samping perlindungan dari segi undang-undang supaya mereka setaraf dengan golongan bumiputera yang lain dan tidak hanya di Artikel 8(5)(c) sahaja.

Akhir sekali, saya telah pun diberi mandat oleh masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia melalui Dewan yang mulia ini bahawa masyarakat Orang Asli Malaysia berdiri teguh menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri [*Tepuk*] dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri dan semua menteri dan timbalan menteri termasuk lapisan pemimpin yang dipilih secara demokrasi oleh rakyat negara ini yang tidak diganggu gugat atau dicabar oleh pihak-pihak tertentu yang perlu menghormati kedaulatan sebuah negara yang merdeka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor.

6.10 ptg.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan peluang yang diberikan kepada saya ini, izinkan saya menyentuh bahagian B.42 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian ini pertama sekali mengenai usaha pemulihan akhlak yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan.

Setakat ini masyarakat umum tidak memainkan peranan guru-guru agama secara yang lebih berkesan. Masyarakat juga tidak jelas mengenai perangkaan berhubung dengan kejayaan usaha pemulihan tersebut. Justeru itu, jika pihak kementerian ingin memperolehi kejayaan, mungkin dalam bidang pemulihan berkenaan seharusnya guru-guru agama yang ditugaskan di pusat-pusat pemulihan akhlak hendaklah guru-guru agama yang benar-benar boleh membimbing kehidupan remaja berdasarkan ajaran tauhid yang sebenar, ajaran yang mendedahkan tentang keindahan Islam untuk menyelamatkan manusia supaya para remaja sentiasa berpegang kepada nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam yang murni supaya mereka benar-benar yakin dan dapat membezakan antara perkara-perkara yang buruk dan keji, menggemari perkara yang makruf dan membenci perkara yang mungkar dan maksiat sehingga persoalan akidah dan akhlak mulia dapat ditanamkan dalam jiwa, rohani dan mental para remaja di pusat-pusat pemulihan tersebut, barulah mereka yang terlibat dengan gejala tidak sihat itu akan benar-benar insaf dan bertaubat. Justeru itu, sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa peranan guru-guru agama yang berkenaan amatlah penting. Jika guru-guru agama dihantar ke pusat-pusat tersebut dengan tujuan untuk mengajar cara-cara mengambil wuduk dan mandi hadas sahaja, maka selama itu para remaja yang terlibat tidak akan terdorong ke arah perubahan yang positif.

Selain dari itu, ilmu kemahiran hidup seperti sains rumah tangga yang meliputi bidang masakan, menjahit pakaian, ukiran cenderamata dan sebagainya patut juga dijayakan di samping langkah susulan seumpama memberi modal pusingan untuk mereka mencari nafkah, kehidupan secara halal dan diberkati. Dengan adanya mata pencarian yang sederhana dan stabil serta pegangan hidup yang kukuh dan mantap, saya yakin para remaja tersebut tidak akan terjebak atau mengulangi kehidupan yang tidak sihat di masa lalu.

Dalam hubungan ini juga, saya ingin menyarankan supaya nasib orang-orang cacat diberikan pembelaan yang sepenuhnya. Mereka perlulah didaftarkan tanpa ketinggalan ataupun tercicir di mana-mana kerana kita sedia maklum bahawa setengah keluarga di kalangan masyarakat kita tidak mahu tampil ke hadapan untuk mendaftarkan anak-anak mereka yang cacat terutamanya di kampung-kampung kerana mereka masih terikat dengan sikap berserah kepada takdir semata-mata, ditambah pula oleh bebanan dan tekanan perasaan segan-silu, malu-alah yang tidak sesuai atau sewajarnya. Dalam hubungan ini juga, pendekatan-pendekatan dan cara-cara yang canggih dan tamadun patutlah diguna pakai dan diutamakan bagi membina keyakinan diri dan menghidupkan semangat untuk membantu memberi kekuatan fizikal dan mental anak cacat yang berkenaan.

Dalam konteks masyarakat serba majmuk di negara ini dan juga kaitannya dengan agama Islam sebagai agama rasmi negara, saya ingin menarik perhatian

pihak kementerian supaya mengkaji dan memikirkan secara serius tentang anak-anak muda atau para remaja yang berminat untuk menganut agama Islam. Sudah sampai masanya untuk suatu undang-undang diwujudkan bagi membolehkan anak-anak yang di luar keturunan Islam diberikan perlindungan, yakni dibenarkan dari segi undang-undang tanpa mengehadkan umur dewasa, tetapi hendaklah dilihat dari segi umur baik atau setelah mereka berminat dan boleh berfikir dan membuat keputusan untuk memilih Islam sebagai agama yang lebih tepat sesuai dengan fitrah insan. Dengan memilih dan mengamalkan agama Islam, mereka patut diterima sebagai saudara baru tanpa sebarang halangan yang tidak perlu. Dalam menjayakan perkara ini, sewajarnya dan seharusnya pihak kementerian ini memberikan sokongan sebaik-baiknya terhadap persatuan atau Pertubuhan Saudara-saudara Baru di negara ini, di samping menggalakkan mereka meluaskan kegiatan hubungan dua hala dengan tokoh-tokoh agama dan pendakwah dari luar yang difikirkan sesuai.

Satu perkara lagi saya ingin menarik perhatian pihak kementerian bahawa konsep perpaduan yang didukung oleh kementerian ini perlu dilihat dengan lebih luas sama ada untuk jangka pendek dan juga jangka panjang. Sejarah telah membuktikan bahawa perpaduan yang berasaskan kepada dorongan kegiatan ekonomi semata-mata tidaklah akan mencapai kejayaan yang diharapkan iaitu untuk membina satu bangsa ataupun umat yang bersatu padu dalam erti kata yang

sebenar. Perpaduan sebenar seharusnya berlandaskan dan berpaksikan persaudaraan sama ada dari segi nilai kemanusiaan ataupun kesatuan akidah dan keyakinan. Jika perkara ini dilihat dengan serius, saya rasa tidaklah timbul anak-anak muda atau remaja kita yang ingin menukar nama melalui pendaftaran yang pada hakikatnya ingin menukar agama kerana hendak berkahwin dengan rakan-rakan yang kononnya dikatakan ahli kitab ataupun golongan penyembah dewa-dewa dan sebagainya. Perpaduan golongan Muhajirin dan Ansar yang begitu tinggi nilai hati budinya patut menjadi contoh di mana demi untuk mengukuh dan memantapkan persaudaraan sehingga terdapat golongan Ansar yang berjiwa besar bersedia dan sanggup menawarkan salah satu isterinya untuk menjadi isteri kepada sahabat dan saudaranya iaitu dari kalangan Muhajirin.

Walau bagaimanapun, apa yang saya sebutkan adalah sebagai contoh dan saya tidaklah memaksa Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai isteri lebih dari satu bertindak sedemikian. Sebenarnya perpaduan dalam proses ini juga berlaku. Dalam konteks masyarakat majmuk di negara kita bukanlah sesuatu yang ganjil atau tidak praktikal. Sejarah juga membuktikan bahawa puteri raja dari negeri China telah ditawarkan sebagai permaisuri raja. Dalam soal ini juga seharusnya pihak kementerian mengangkat peranan Persatuan Saudara Baru menjadi lebih bertenaga, meyakinkan dan berkesan sepenuhnya, mudah-mudahan

generasi dalam tahun 2020 kelak akan mendapat manfaat dan kebaikan dari perancangan dan program yang tersebut di atas.

Satu perkara lagi ialah mengenai apa yang boleh disifatkan sebagai kegagalan mengatasi masalah keganasan rumah tangga. Dalam erti kata bahawa akta itu sendiri bercanggah dan tidak mengamalkan atau mengguna pakai pendekatan Islam. Saya difahamkan banyak pihak telah mengesyorkan supaya akta tersebut dikaji semula supaya formula dan pendekatan Islam dijadikan paksi dan akar tunjang yang kukuh, mantap dan meyakinkan. Selagi dan selama formula dan pendekatan akta tersebut bertentangan dengan akidah dan fitrah murni dan semula jadi hakikat keinsanan, maka keadilan hanya untuk sebelah pihak yang lebih gagah, kuat, berkuasa dan berpengaruh. Perlu ditegaskan bahawa formula dan pendekatan Islam adalah bertujuan untuk memelihara dan menyelamatkan sebuah rumah tangga dari berkecai di samping menyelamatkan anak-anak yang tidak berdosa, menjadi penyambung generasi yang berkembang dengan sihat dan sejahtera. Justeru itulah sekali lagi saya menyeru pihak kementerian merenung dan memikirkan persoalan ini secara lebih serius dan realistik. Sekian, wallahualam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

6.20 ptg.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berbahas atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1997.

Saya tidak berhasrat berbahas dengan panjang lebar tetapi saya cuma ingin menyentuh atas dua perkara yang penting, iaitu yang pertama ialah peranan Kementerian Penerangan pada masa kini. Pada masa sekarang media massa asing tidak memberi maklumat yang benar dan objektif mengenai negara kita. Laporan-laporan mereka adalah bias dan slanted, dengan izin, seperti isu-isu semasa ini iaitu masalah jerebu dan kemerosotan mata wang dan bursa saham. Saya difahamkan daripada rakan-rakan saya dari Britain, BBC sentiasa menyiarkan klip-klip jerebu di Kuching di mana beberapa rakyat memakai atau memasang penapis udara dan visibiliti telah kurang walaupun keadaan jerebu telah pulih. Channel CNN juga menyiarkan klip-klip yang lama dan tidak memberi fakta yang benar.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan yang telah menjalankan beberapa perbincangan dengan pihak yang berkenaan dan masalah-masalah ini telah diselesaikan. Baru-baru ini channel-channel CNN dan juga BBC telah di'update'kan klip-klip mereka. Saya juga merasa bangga apabila kita dengar bahawa Kementerian Penerangan telah menjalankan kajian mengenai program-program mereka dan mendapat maklum balas daripada penonton-penonton untuk mengubahsuaikan program mereka. Ini adalah satu pendekatan yang baik dan harus mendatangkan faedah kepada Kementerian Penerangan. Polisi mengenai penyusunan program adalah

berdasarkan atas data-data yang didapati daripada survey yang dijalankan dari masa ke semasa. Ini adalah cara yang saintifik.

Saya suka menonton RTM dan TV3. Kualiti program RTM telah meningkat jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu. Satu masalah sahaja ataupun satu kompelin daripada saya ialah ada banyak iklan apabila kita menonton Movie Magic ataupun Countdown Movie, dalam tempoh dua jam, jika saya tidak silap, ada 6 sehingga 8 iklan, itu pun lama sangat. Ini akan terjejas minat penonton kepada filem-filem yang ditonton. Saya faham iklan memberi pendapatan kepada Kementerian Penerangan tetapi kita harus 'strike a balance', iaitu satu tahap keseimbangan di antara pendapatan dan minat dan kesetiaan penonton-penonton. Saya fikir terlalu banyak iklan dan ini adalah banyak gangguan. Saya harap kementerian akan menjalankan satu kajian mengenai 'the slotting of adverts' tanpa menghilangkan minat dan kesetiaan penonton-penonton. Ini adalah satu 'time and motion study'. Pada masa kini penonton ada pilihan yang lebih 30 channel daripada RTM, TV3, Mega TV, MetroVision dan Astro. Saya harap RTM akan terus mengekalkan kualiti program dan juga penonton-penonton yang sedia ada sekarang dan mereka tidak beralih kepada channel-channel yang lain.

Sebagai jentera kerajaan, RTM memainkan peranan yang penting memberi dan menyiarkan maklumat kepada rakyat mengenai kemajuan dan perkembangan

negara kita dari segi sosial, ekonomi dan politik. Peranan ini adalah penting yang mendatangkan faedah politik seperti kestabilan sistem politik. Televisyen khususnya RTM bukan sahaja memberi maklumat mengenai kerajaan tetapi juga memberi pengetahuan iaitu 'to educate and to inform', untuk memupuk satu masyarakat yang sivil, bersatu padu, berpengetahuan dan juga bertanggungjawab. Peranan ini adalah amat penting bagi masyarakat berbilang kaum.

Dalam konteks ini saya berasa kecewa atas jawapan Timbalan Menteri Kementerian Penerangan mengenai pertukaran masa daripada pukul 5.30 petang kepada 5.00 petang untuk Berita Tamil. Pertukaran ini menyusahkan sebahagian besar masyarakat India yang tidak dapat menonton berita dalam bahasa Tamil oleh kerana mereka tidak dapat balik ke rumah dari tempat kerja masing-masing. Kerajaan harus peka dan sensitif kepada permintaan dan keperluan masyarakat oleh kerana kerajaan kita adalah kerajaan demokratik untuk kepentingan rakyat. Beberapa rayuan telah dibuat kepada kementerian dan saya harap Kementerian Penerangan akan menyemak semula dan menyelesaikan perkara ini dengan memuaskan kedua-dua pihak.

Lagi satu masalah yang dibincangkan sekarang dengan hebat di akhbar-akhbar dan telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini adalah perkara 'saman ekor'. Walaupun Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri telah memberi sedikit penjelasan, tetapi saya tidak tahu apakah rasional di mana kesalahan trafik

ini telah ditukar kepada satu pendekatan ‘saman ekor’ ataupun saya katakan ‘saman hantu’ oleh kerana kita tidak tahu bila kesalahan yang berlaku dan apakah kesalahan sehingga kita dapat saman itu. Saya berpendapat pendekatan ini akan meninggalkan jumlah wang yang dikutip daripada pesalah-pesalah, tetapi saya tidak pasti bahawa strategi ini akan mengurangkan kemalangan-kemalangan khususnya kemalangan maut. Pendekatan ini tidak memberi kesan yang serta-merta, iaitu tidak ada ‘the immediacy of effect’. Apabila seseorang melakukan kesalahan trafik, anggota polis memberi saman secara personal, kita boleh bincang dengan anggota polis dan ada kemungkinan kita boleh minta maaf dan ada juga kemungkinan bahawa kita tidak dapat saman tetapi satu amaran. Kesan ini adalah mereka akan pandu kereta mereka dengan berhati-hati. Ini akan mengurangkan kemalangan di jalan raya.

Sebahagian rakyat juga berasa bahawa pendekatan ini adalah tidak demokratik. Satu surat daripada pembaca akhbar *Straits Times* hari ini mencatatkan pengalaman beliau apabila beliau pergi ke Bahagian Polis Trafik untuk menyelesaikan saman ekor yang dikenakan. Berdasarkan pengalamannya, beliau berpendapat bahawa strategi ini adalah satu cara yang membazirkan masa dan wang. Saya telah baca banyak komen mengenai isu ini. Saya harap Kementerian Pengangkutan bincang dengan Polis dan menyemak semula pendekatan ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah 6.30 petang, maka Majlis ditangguhkan kepada besok hari, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.